


**Jilid II**  
**Bil. 42**



**MALAYSIA**

**Hari Rabu**  
**12hb November, 1980**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**  
*Fifth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 5243]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1981:**

**Jawatankuasa (Hari Kedua)—**

**Jadual:**

**Maksud B. 1 hingga B. 16 [Ruangan 5275]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan. 1981:**

**Jawatankuasa (Hari Kedua)—**

**Maksud P. 8, P. 9 dan P. 10 [Ruangan 5275]**

DICETAK OLEH JABATAN PERCETAKAN NEGARA, KUALA LUMPUR  
MOKHTAR BIN HAJI SHAMSUDDIN, J.S.D., S.M.T., K.M.N., P.I.S.

KETUA PENGARAH  
1982

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat** Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- „ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat** Menteri Pengangkutan, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- „ **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- „ **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- „ **Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- „ **Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**
- „ **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- „ **Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- „ **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**
- „ **Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- „ **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- „ **Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**
- „ **Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**
- „ **Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**
- „ **Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).**
- „ **Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROKE, P.N.B.S. (Kanowit).**
- „ **Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).**

- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI ZAKARIAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.A., P.I.S. (Kuala Selangor).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, PUAN CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALI UDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

- Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESSEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO' HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO' HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya bin Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom bin Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Rabu, 12hb November, 1980

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson.

## PENCEMARAN SUNGAI-SUNGAI

**1. Tuan Au How Cheong** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar banyak sungai-sungai di negara ini telah tercemar oleh kotoran yang datang dari kilang kelapa sawit, kilang udang, kilang getah dan sebagainya; jika sedar, adakah beliau bercadang hendak melantik ramai lagi pegawai-pegawai yang bertanggungjawab mengawasi sungai-sungai tersebut di peringkat daerah.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas perhatian dan minat beliau atas masalah pencemaran sungai-sungai di negara ini. Kementerian saya telahpun melaksanakan penambahbaikan pegawai-pegawai dan kakitangan dalam tahun ini bagi mengawasi pencemaran sungai dan bercadang menambahnya lagi pada tahun 1981 mengikut cadangan yang dikandungkan dalam Kertas Perintah Bil.

36 tahun 1980 yang dibentang dalam Dewan yang mulia ini.

Untuk pegawai-pegawai Kementerian saya menjalankan tugas dengan lebih efektif konsep mengadakan pejabat-pejabat wilayah dilaksanakan. Dengan ini sungai-sungai boleh diawasi dengan lebih berkesan lagi.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah beliau berpendapat bahawa pegawai-pegawai yang sedang dan akan dilantik itu cukup untuk mengawal akan pencemaran.

Kedua, adakah beliau sedar bahawa akibat buruk dari pencemaran itu lebih mengakibatkan kewangan yang lebih banyak dari segi jangka panjang dan jangka pendek dan dari segi pemulihan pencemaran itu.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar tentang masalah ini, kerana itu Kementerian saya akan menambah lagi pegawai-pegawai kawalan pada tahun 1980; daripada Pegawai Kawalan Iktisas dari 14 hingga 18, Separa Iktisas 50 hingga 59 dan pada pendapat kami ini dijangka akan cukup untuk kawalan ini dan pada masa sekarang langkah yang telah diambil telah membaiki kebanyakan kawasan-kawasan yang dicemarkan oleh kilang-kilang dahulu.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Biasanya sebelum kilang-kilang ini dibina pelan-pelannya terpaksa dihantar kepada berbagai-bagai jabatan. Adakah pihak Kementerian bercadang supaya mengatur sesuatu langkah supaya pelan-pelan sekurang-kurangnya untuk bangunan-bangunan yang berkaitan, dihantar juga kepada pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini sebelum ianya dilulus untuk dibina.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, masalah itu timbul kerana puncanya daripada kilang yang didirikan dahulu. Pada masa sekarang dan akan datang Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan telah berhubung dengan Kementerian saya dan pelan-pelan atau cadangan untuk mendirikan kilang akan dirujuk kepada Kementerian saya untuk dikaji sebelum kilang itu dibenarkan.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar apakah kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh pihak Kementerian dalam usaha menubuhkan Unit-unit Mencegah Pencemaran di peringkat negeri-negeri dan sekiranya cadangan ini dipersetujui bilakah ianya akan dilaksanakan khasnya di negeri Johor.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, 2 buah pusat wilayah telahpun ditubuh di DARA dan di KETENGAH, 6 buah pusat yang lain iaitu di Pulau Pinang, Kuantan, Selangor, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu dijangka dibuka sebelum akhir tahun ini.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat keterangan dari Yang Berhormat Menteri adakah beliau sedar selain daripada kilang-kilang kelapa sawit, kilang getah dan kilang udang salah satu punca yang menyebabkan sungai-sungai kita menjadi cemar ialah lombong bijih yang menggunakan gravel pump. Kalau kita lihat dari udara kita dapati kebanyakan sungai ini warnanya bukan lagi biru tetapi berwarna putih. Ini menunjukkan kekotoran daripada lombong-lombong tadi dialir masuk terus ke dalam sungai. Ini menyebabkan hidupan-hidupan di dalam sungai tadi tidak dapat membiak dan ini juga menyebabkan banyak mereka yang tinggal di tepi sungai yang selama ini mendapat rezki daripada sungai ini dengan menangkap ikan, memelihara udang dan sebagainya telah tidak dapat mencari makan dari sungai-sungai tadi. Apakah langkah-langkah Yang Berhormat Menteri akan ambil terhadap pelombong-pelombong yang dapat membuat keuntungan yang banyak tetapi menyebabkan satu pihak yang kecil menderita tidak dapat punca rezki lagi.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya dan saya sendiri sedar tentang masalah ini dan kita berharap di masa yang akan datang kita dapat menggalakkan Kerajaan Negeri dan juga Kementerian yang berkenaan untuk bekerjasama mengambil tindakan yang lebih ketat lagi untuk mengawal pencemaran daripada lombong-lombong yang dijalankan dalam negara ini.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya buat sementara ini Kementerian Yang Berhormat ataupun jabatan di bawah Kementerian Yang Berhormat tidak mempunyai rekabentuk yang standard yang boleh digunakan oleh kilang-kilang kelapa sawit. Jadi, adakah Kementerian Yang Berhormat itu akan mengarahkan jabatan-jabatan tertentu mengadakan rekabentuk untuk mencegah dan mengawal kekotoran dari kilang kelapa sawit itu.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang rumit sekali kerana rekabentuk untuk mengatasi pencemaran ini bukan satu perkara yang boleh ditetapkan kerana banyak jenis yang boleh dikenakan, di tiap-tiap kilang ada cara masing-masing untuk mengatasi pencemaran itu tetapi Kementerian saya memang ada standard dan standard ini ditetapkan berapakah kekotoran dari pelepasan yang boleh dilepaskan kepada sungai. Ini satu cara bagaimana kita dapat mengawal pencemaran daripada kilang-kilang.

## EAST-WEST HIGHWAY

2. **Tuan Karpal Singh** minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan jumlah perbelanjaan membina "East-West Highway" dan bilakah "Highway" tersebut dapat dirasmikan untuk kegunaan orang ramai.

**Menteri Kerjaya dan Kemudahan-Kemudahan Awam (Datuk S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pertanyaan-pertanyaan mengenai perkara tersebut sering dikemukakan di Dewan yang mulia ini pada persidangan-persidangan lalu. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Jelutong kos bagi projek lebuh raya

Timur-Barat dianggarkan berjumlah kira-kira \$296 juta dan ianya dijangka akan disiapkan pada akhir tahun 1981.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setahu saya East-West Highway ini cadangannya adalah dua. Satu, dari Jeli sehingga ke Grik dan kemudiannya ikut jalan lama menerusi Baling ke Kulim dan ke Butterworth. Satu lagi dari Grik terus menembusi hutan belantara ke Butterworth. Jadi soalan saya adakah jalan yang dijangka siap pada tahun 1983 itu dari Grik menerusi hutan belantara itu dan terus ke Butterworth ataupun mengikut jalan lama.

**Datuk S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu Lebuhraya Timur Barat ialah daripada bandar Grik ke Jeli sahaja. Tetapi hubungan dengan Gerik dan Butterworth menjadi supporting network itu bukan dimasukkan dalam jadual yang saya katakan tadi.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana East-West Highway ini akan dibuka pada tahun 1981 dan di East-West Highway ini juga duduknya di sempadan dengan Thailand, sebelum jalan ini dibuka apakah rancangan ataupun langkah-langkah keselamatan yang dibina supaya keselamatan pengguna Lebuhraya tidak terancam.

**Datuk S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kuasa untuk membina jalan sahaja masuk dalam Kementerian saya. Masalah-masalah keselamatan dan lain-lain termasuk dalam Kementerian yang lain.

#### ASEAN—SOKONGAN JEPUN

**3. Tuan Mohd. Bakri bin Rais** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan Baru Jepun yang diketuai oleh Encik Zenko Suzuki (Perdana Menteri) memberi sokongan penuh terhadap ASEAN.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddin Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, Encik Zenko Suzuki, Perdana Menteri Jepun dalam satu kenyataan ke Parlimen telah menyatakan keazaman Negeri Jepun untuk mengujudkan perhubungan yang lebih

rapat dengan negara-negara ASEAN, dan akan memberi sumbangan yang aktif ke arah usaha untuk menjamin keamanan dan kestabilan di Asia dengan kerjasama negara-negara ASEAN.

Kerajaan baru Jepun juga menegaskan yang ia bercadang untuk meningkatkan lagi sokongan kepada usaha-usaha negara-negara ASEAN untuk pembangunan negara masing-masing. Usaha-usaha seperti ini boleh dicapai melalui bantuan ekonomi dan lain-lain bentuk kerjasama.

Encik Suzuki juga telah menggariskan dasarnya dalam menyokong negara-negara ASEAN dalam soal sengketa di Kampuchea dan menyokong penuh usaha-usaha ASEAN untuk mencari penyelesaian secara aman yang berdasarkan kepada resolusi-resolusi Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu 34/22 dan 35/22 yang masing-masing telah dipersetujui pada November 1979 dan Oktober 1980.

Jepun juga akan terus menyokong pendirian negara-negara ASEAN dalam persoalan berkaitan dengan perwakilan Kampuchea di Bangsa-bangsa Bersatu dan menyeru supaya askar-askar Vietnam tidak akan menceroboh lagi ke dalam wilayah Thailand. Pendirian-pendirian tersebut di atas telah juga dibuat oleh Menteri Luar Jepun, Encik Masayoshi Ito semasa dalam lawatan ke Bangkok pada bulan Ogos yang lalu.

Akhirnya, keazaman negeri Jepun untuk mengukuhkan hubungan rapat dengan negara-negara ASEAN ini dapat dilihat dengan adanya cadangan Encik Suzuki hendak melawat kesemua negara-negara ASEAN pada bulan Januari 1981 ini. Lawatan ke negara-negara ASEAN adalah lawatan rasmi yang pertama dibuat oleh Encik Suzuki semenjak dipilih menjadi Perdana Menteri

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa Kerajaan baharu Jepun juga menyokong pendirian ASEAN terhadap Kampuchea. Jadi soalan saya adakah Yang Berhormat sedar bahawa banyak bukti-bukti menunjukkan Jepun ini, dalam hubungan luar negerinya hanya didorong oleh commercial opportunism. Misalnya, baharu-baharu ini Jepun telah menghantar satu rombongan perdagangan ke Phnom Penh. Jadi adakah Yang Berhormat

Menteri bersetuju bahawa Jepun adalah kurang ikhlas dari segi sokongannya terhadap ASEAN.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, kita melihat keadaan ini di atas konteks Kerajaan yang memberi sokongan yang mana ASEAN dalam dua isu. Yang pertama, isu bersabit dengan situasi di Kampuchea. Kedua, bersabit dengan tauliah (credential) Demokratik Kampuchea. Di dalam dua soal ini Jepun memberikan sokongan yang penuh dan tidak berganjak dalam soal bersabit dua isu ini, baik daripada Kerajaan yang lama dan juga dengan Kerajaan yang baharu ini walaupun ada perasaan-perasaan commercial bagi orang-orang perniagaan ini tidak boleh dinafikan juga. Walaupun begitu, kita hanya melihatkan keadaan dan pendirian Kerajaan sahaja dan kita berharap pendirian ini akan sentiasa berkekalan memberi sokongan kepada ASEAN.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ting Chek Ming.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Speaker, Soalan No. 4.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

#### KAMPUNG BARU—SISTEM TALIAIR/JALAN

**4. Tuan Fung Ket Wing** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa (i) kegagalan sistem taliair (ii) jalan-jalan perlu dibaiki; (iii) kekurangan buruh dan (iv) kekurangan kenderaan dalam negara untuk membuang sampah sarap di kampung-kampung baru dan menyatakan langkah-langkah beliau akan mengambil untuk membaiki infrastruktur dan pentadbiran Majlis Daerah.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa terdapat di sebilangan kecil kampung-kampung baru mengalami masalah-masalah kegagalan sistem pengaliran dan jalan-jalan perlu dibaiki.

Kementerian saya sentiasa berusaha, bukan sahaja untuk membaiki keadaan sistem pengaliran dan jalan di kampung-kampung baru, bahkan juga untuk mengadakan kemudahan-kemudahan asas yang lebih baik dan kawasan-kawasan tempat kediaman yang lebih sesuai di kampung-kampung baru.

Usaha untuk membaiki keadaan infrastruktur di kampung-kampung baru itu bukan sahaja dijalankan oleh Kementerian saya, tetapi juga oleh Kementerian-kementerian lain, seperti Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan Kerajaan-kerajaan Negeri juga terlibat dalam usaha ini.

Menteri dan Pegawai-pegawai daripada Kementerian saya sendiri sentiasa melawat ke kampung-kampung baru untuk mengkaji dan melihat dengan lebih dekat keadaan kehidupan, pembangunan dan sebagainya di kampung-kampung tersebut; dan memberi peruntukan untuk projek-projek kecil infrastruktur termasuklah projek-projek sistem pengaliran dan jalan mengikut eutamaan dan keperluan penduduk kampung yang dilawati.

Dari tahun 1976 sahaja, Kementerian saya telah membelanjakan \$1,841,783 untuk projek-projek sistem pengaliran dan \$5,425,327 untuk projek-projek jalan di kampung-kampung baru dan kampung-kampung tradisional di persekitaran kampung-kampung baru.

Usaha untuk memaju dan memodenkan keadaan infrastruktur di kampung-kampung baru itu adalah satu proses yang berterusan. Semua kampung-kampung baru telah mendapat faedah dari usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian ini. Usaha-usaha ini akan diteruskan kerana sesuatu keadaan yang dianggap maju atau moden pada suatu ketika itu mungkin tidak lagi dianggap maju atau moden pada masa sekarang.

Mengenai langkah-langkah untuk membaiki infrastruktur dan pentadbiran Majlis Daerah, di bawah Rancangan Malaysia Keempat pihak penguasa-penguasa tempatan telah membuat beberapa rancangan demi membaiki taraf infrastruktur yang ada di kawasan masing-masing. Di samping itu juga pihak tersebut, apabila menyusun semula pentadbiran masing-masing, telah mengambil tindakan-tindakan sewajarnya untuk mempunyai kakitangan yang cukup, baik dari segi kualiti

dan kuantiti dan untuk melatih kakitangan-kakitangan masing-masing demi meninggikan mutu perkhidmatan sama ada dengan menggunakan tenaga sendiri atau dengan mendapat bantuan agensi-agensi pelatih yang lain.

Sungguhpun demikian di dalam masa peralihan ini sudah tentu berbagai-bagai kesukaran akan timbul dan faedah yang diperolehi itu tidak akan dapat dilihat dengan serta merta. Oleh hal yang demikian sukacita saya merayu Ahli Yang Berhormat serta orang ramai supaya bersabar di dalam masa perubahan ini dan memberi peluang seluas-luasnya kepada pihak berkuasa-pihak berkuasa penguasa-penguasa tempatan untuk memperkemaskan pentadbiran mereka supaya dapat memberi segala perkhidmatan yang dikehendaki.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa pihak Kementerian beliau ada mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki infrastruktur dan juga untuk memperuntukkan kemudahan asas untuk semua kampung-kampung baru. Di sini saya bertanya Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa di negeri Selangor ada banyak kampung-kampung baru. Di sini saya beri satu contoh, iaitu Kampung Baru Seri Kembangan di mana pihak Penguasa Tempatan selalu mengalami kesesahan dari segi kewangan untuk membeli alat-alat ataupun jentera-jentera yang berkenaan untuk mengutip sampah sarap dan juga untuk membuat kerja-kerja yang lain.

**Datuk Haji Zakaria bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua saya tidak dapat memberi gambaran di atas kes-kes tertentu dan jika sekiranya Yang Berhormat berkehendakkan keadaan yang sebenar bagi satu-satu kampung-kampung baru tertentu saya memerlukan notis. Tetapi untuk gambaran pada keseluruhannya memang Kementerian saya menyedari ada terdapat sebagaimana yang saya sebutkan tadi di setengah-setengah kampung baru masih lagi memerlukan penelitian perhatian yang lebih untuk memperbaiki keadaan yang ada sekarang.

Khususnya bagi negeri Selangor untuk peruntukan bagi Kerajaan Tempatan, saya dapat memberikan sedikit gambaran khusus bagi negeri Selangor kerana Ahli Yang Berhormat membangkitkan negeri Selangor,

bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan jumlah bantuan kewangan tahunan dan geran pelancaran kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi tahun 1980 iaitu khusus bagi negeri Selangor ialah bantuan kewangan tahunan ialah sebanyak \$1,585,982 dan geran pelancarannya untuk negeri Selangor ialah \$3,496,645.35 dan jumlah semua bagi negeri Selangor ialah \$5,082,627.35 dan negeri Selangor adalah di antara negeri-negeri yang mendapat peruntukan yang terbesar jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain.

#### **PINJAMAN/BANTUAN KEPADA KERAJAAN KELANTAN/KEDAH/ TRENGGANU/PERLIS**

**5. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pinjaman dan bantuan dari Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri Kelantan, Kedah, Trengganu dan Perlis bagi tahun-tahun 1978, 1979 dan 1980.

**Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pinjaman dan bantuan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri Kelantan, Kedah, Trengganu dan Perlis bagi tahun-tahun 1978, 1979 dan 1980 (setakat 30hb September, 1980) ialah sebanyak \$601.940 juta. Daripada jumlah ini \$99.566 juta adalah merupakan pinjaman dan \$502.374 juta merupakan bantuan. Dari segi pembahagian mengikut negeri, Kelantan mendapat sejumlah \$231.736 juta yang terdiri daripada \$36.458 juta pinjaman dan \$195.278 juta sebagai bantuan; Kedah mendapat sejumlah \$191.856 juta yang terdiri dari \$26.432 juta pinjaman dan \$165.424 juta bantuan; Trengganu mendapat sejumlah \$114.217 juta yang terdiri dari \$17.967 juta pinjaman dan \$96.250 juta bantuan; dan Perlis mendapat sejumlah \$64.130 juta yang terdiri dari \$18.708 juta pinjaman dan \$45.422 juta bantuan.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bercadang hendak menambahkan kadar bantuan kepada negeri-negeri tersebut mengikut panjang jalanraya dan juga bilangan kepala penduduk?

Kedua, dalam pinjaman pula berapa peratuskah faedah yang dikenakan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri itu.

**Datuk Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari segi pemberian yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri-negeri iaitu pemberian mengikut bilangan orang dan pemberian mengikut jalan negeri juga pemberian pertambahan hasil, ini semua bergantung kepada peruntuk-peruntuk di dalam Perlembagaan dan juga peruntukan di dalam Peraturan Kewangan dan ini adalah disemak dari semasa ke semasa.

Berhubung dengan soal yang kedua iaitu tentang kadar faedah yang dikenakan, ini juga bergantung kepada jenis projek yang pinjaman diberikan iaitu umpamanya kalau dalam segi projek bekalan air kadar faedah yang dikenakan adalah sebanyak 6.5% dan bagi berbagai-bagai projek ini bolehlah sehingga 8%.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri Kewangan tadi mengatakan bahawa Kelantan mendapat \$360 juta . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau dapat Yang Berhormat angkat suara sedikit.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** . . . . . dan negeri-negeri lain seperti Kedah mendapat kurang. Jadi apa yang kita tahu sama sahaja backward ataupun tinggal ke belakang katanya di dalam pembangunan Kelantan dengan Kedah itu sama sahaja. Kenapakah Kelantan mendapat banyak, Kedah mendapat sedikit.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan Negeri Kedah ini tidak menuntut kewangan ataupun tidak membuat projek oleh kerana itu Kementerian tidak dapat beri banyak?

**Datuk Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam dasar Kerajaan Persekutuan memberikan bantuan, lebih-lebih lagi dalam soal bantuan Kerajaan Persekutuan terpaksa melihat kepada permohonan-permohonan yang datangnya daripada negeri-negeri berasaskan kepada jenis-jenis projek

yang difikirkan patut dijalankan. Memandangkan kepada nasib negeri Kelantan yang telah lama ketinggalan dari segi penadbiran negeri itu sendiri jadi terpaksa—saya pun tidak payah sebut kerana diketahui umum bahawa dalam pentadbiran negeri Kelantan pada masa-masa lepas, jadi terpaksa seperti mana seorang bayi dalam keadaan yang lemah, terpaksa kita memberi makanan-makanan yang lebih berzat, lebih baik daripada masa-masa dahulu.

## MENGURANGKAN VANDALISM TERHADAP HARTA KERAJAAN

**6. Dr Tan Tiong Hong** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan vandalism terhadap harta-harta Kerajaan terutama haidran, talipon dan lif yang terdapat di flat-flat kos rendah di dalam Bandaraya Kuala Lumpur.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, pihak Dewan Bandaraya sememangnya sentiasa mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan "vandalism" terhadap harta benda Kerajaan terutama haidran, telefon dan lif yang terdapat di rumah-rumah pangsa kos rendah di dalam Bandaraya Kuala Lumpur. Umpamanya pihak Dewan Bandaraya telah mengadakan kerjasama yang rapat daripada Rukun Tetangga, Perhubungan Masyarakat dan orang ramai untuk mengawasi kegiatan "vandalism" ini. Di mana mungkin pondok-pondok polis juga diadakan berdekatan flat kos rendah itu.

Di samping itu sebagai langkah untuk mengurangkan "vandalism" di lif-lif, Dewan Bandaraya telah mengadakan atendan-atendan lif secara percubaan selama 3 bulan mulai 15hb September, 1980 dan hasil yang diterima amat menggalakkan dengan berkurangnya "vandalism" di lif-lif.

**Dr Tan Tiong Hong:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan jikalau beliau sedar atau tidak, walau bagaimanapun, majoriti lif-lif yang rosak ialah oleh kerana vandalism tetapi pun ada banyak lif-lif yang rosak bukan oleh kerana

vandalism tetapi oleh kerana lif-lif itu sudah lebih 10 tahun dan tidak dapat servicing yang berkenaan. Jikalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar adakah Kementerian berkenaan rancangan untuk menggantikan lif-lif lama itu dengan lif-lif moden dan baru?

**Tuan Abdullah bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soal itu ada lain sedikit kerana soal yang asal ialah yang berhubung dengan kerosakan oleh sebab vandalism dan ini kerosakan bukan vandalism. Walau bagaimanapun, sukalah saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan memang sedar ada lif yang rosak bukan kerana vandalism, mungkin kerana lif itu telah lama dan tindakan-tindakan untuk memberi servicing yang lebih kerap supaya lif-lif itu dapat digunakan dengan sempurna memang diambil dan apabila difikirkan perlu dan pihak kejuruteraan mengatakan lif-lif mesti diganti demi keselamatan orang ramai, maka lif sudah semestinya digantikan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri sedar bahawa usaha yang sedang dijalankan oleh Dewan Bandaraya dengan kerjasama daripada Rukun Tetangga dan Perhubungan Masyarakat untuk mengatasi masalah vandalisma lif-lif di rumah pangsa adalah tidak berkesan memandangkan bahawa ada banyak kegiatan-kegiatan vandalisma yang ada dibuat sekarang. Adakah pihak Kementerian beliau bercadang untuk melancarkan satu kempen tentang pelajaran sivik di antara penduduk-penduduk di tiap-tiap rumah pangsa sebagai salah satu cara untuk mengatasi masalah vandalisma?

**Tuan Abdullah bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, di Dewan Bandaraya memang ada satu unit yang berhubung dengan pengurusan rumah-rumah kos rendah dan unit ini antara kerjanya mengadakan ceramah-ceramah untuk faedah penghuni-penghuni rumah kos rendah dan ceramah-ceramah itu adalah berupa ceramah-ceramah sivik dan ini telahpun dijalankan selama ini.

**Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan rancangan mengadakan atendan lif untuk mengurangkan vandalism dalam lif-lif rumah pangsa, saya ingin tahu Kementerian berkenaan sedar atau tidak di dalam tiga bulan ini atendan lif-lif bukan mengikut

lif naik ke atas dan turun dengan lif ke bawah, tetapi atendan lif mengikut siasatan saya sendiri duduk sahaja di luar lif dan bukan mengikut lif naik dan turun. Sedar atau tidak, dan jikalau sedar, bolehkah Kementerian mengkaji semula berkenaan skim ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan tunggu waktu soal-jawab di Dewan ini, pergi jumpa sahajalah, tolong beri tahu (*Ketawa*). Ada hendak jawab Yang Berhormat.

**Tuan Abdullah bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kalau ada kes yang begitu spesifik saya harap Yang Berhormat dapat kemukakan kepada saya untuk tindakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Shaari bin Jusoh.

**Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 7.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Parit.

#### AHLI RELA/RELAWATI

**7. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Menteriannya sedar bahawa Kerajaan menyeru supaya ramai yang menjadi Ahli Relawati di seluruh negara Malaysia. Tetapi Relawati yang ada sekarang ini tidak menjalankan tugas seperti yang dikehendaki oleh Kerajaan malah ada yang melakukan penyelewengan ini disebabkan kurang penerangan dan juga latihan yang diberi. Jika sedar adakah Kerajaan bercadang akan memberi latihan yang sempurna dan menerangkan tugas-tugas yang akan dipertugaskan kepada Ahli Relawati. Ini adalah lebih berkesan daripada membanyakkan ahli Relawati.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Relawati ditubuhkan sebagai barisan benteng keselamatan negara yang terdiri dari kalangan rakyat jelata yang ingin berkhidmat secara sukarela tanpa sebarang balasan dari pihak-pihak yang berkenaan. Tugas Relawati antara lain ialah memastikan masyarakat dan negara bebas dari sebarang

gangguan oleh anasir-anasir jahat ataupun kumpulan-kumpulan subversif. Ianya juga mempelopori kegiatan-kegiatan kebajikan dan ekonomi dan menjadi tenaga pembantu kepada pihak polis.

Untuk mencapai matlamat ini setiap ahli Rela akan diberi latihan. Sehingga akhir tahun 1979, 10.7% ataupun 36,9/3 orang dari jumlah anggotanya yang telah menghadiri kursus dan latihan. Oleh kerana tambahan ahli Rela begitu pesat, maka latihan tidak dapat diberi sekali gus dan terpaksa dibuat berperingkat-peringkat bergantung kepada kemampuan. Keadaan ini akan terus dibaiki sehingga setiap ahli mendapat latihan yang sempurna.

Memandangkan kepada jumlah ahli yang begitu ramai, ada kemungkinan berlaku kesilapan di sana sini di kalangan ahli yang menjalankan tugas. Pihak Rela sentiasa menyelidik semua aduan dan membuat tindakan. Setakat ini belum ada kejadian yang boleh menjejaskan nama baik Rela.

Memandangkan kepada ancaman-ancaman yang sedang dan mungkin dihadapi oleh negara maka jumlah ahli Rela dianggar akan meningkat hingga 500,000 orang pada akhir tahun 1981. Jumlah ini dianggarkan perlu dan tidak akan dikurangkan.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan bahawa Rela dan Relawati sebagai benteng keselamatan negara. Jadi saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang beliau menyatakan bahawa Rela dan Relawati menjadi benteng keselamatan negara dan Kementerian beliau puas hati dengan peranan yang dimainkan oleh anggota-anggota Rela, mengapakah perbelanjaan dan latihan tidak dibuat dengan sewajarnya untuk memenuhi keperluan-keperluan yang mendesak dan apakah Kementerian Hal Dalam Negeri merasakan bahawa penambahan latihan yang lebih cepat, dan kalau sekiranya pihak Kerajaan mengeluarkan perbelanjaan yang lebih tetapi boleh menjadi benteng keselamatan negara seperti yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi, bolehkah beliau memberi jaminan bahawa keselamatan negara adalah lebih penting dari perbelanjaan yang tersekat-sekat itu.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak menghadapi sebarang masalah untuk mendapatkan sebarang biaya untuk menjamin keselamatan negara dan pihak Rela akan mendapat wang apabila diperlukan untuk rancangan-rancangannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat mengemukakan pertanyaan, cuba kurangkan perkataan seberapa yang banyak, gunakan perkataan yang berguna betul-betul, kalau tidak susah Yang Berhormat Menteri hendak menjawab—long winded.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan berapa orang anggota Relawati yang ada sekarang?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi sudah disebut angka itu, kecuali Relawati.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Saya tidak mempunyai anggota mengikut pecahan sex dan jika Ahli Yang Berhormat berminat, bolehlah saya beritahu kelak.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa ada di kalangan anggota Rela ini kurang berpuas hati terutama sekali anggota Rela di kawasan sempadan oleh kerana sungguhpun mereka telah diberi latihan tetapi mereka tidak dibekalkan dengan senjata, misalnya senapang patah dan sebagainya. Jadi saya ingin bertanya, apakah rancangan Kementerian untuk memperbanyakkan lagi pemberian senapang patah ini kepada anggota Rela di kawasan sempadan.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Kementerian mempunyai rancangannya sendiri untuk membekalkan senjata-senjata yang diperlukan tetapi dalam hal ini pihak Kementerian terpaksa berhati-hati kerana senjata adalah satu perkara yang dimiliki yang merupakan senjata yang merbahaya. Walau bagaimanapun, segala yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat yang dimaksudkan dalam soalan ini sentiasa mendapat perhatian pihak Kementerian, tetapi pihak Kementerian tidak yakin setelah dikeluarkan senjata dengan

banyak, semua orang akan puas hati, kerana sudah tentu yang tidak dapat akan tetap tidakpuas hati.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang hendak menggantikan senjata yang sekarang diberikan kepada anggota Rela senapang patah. Kalau ada cadangan, bila hendak diganti dengan senapang automatik.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Ancaman kepada keselamatan negara belumlah sampai kepada peringkat di mana perlu dibekalkan ahli-ahli Rela dengan senjata automatik.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, apakah kedudukannya bagi seorang Rela untuk membawa senjata itu ke rumahnya dan apakah kedudukannya yang tidak dibenarkan membawa senjata ke rumah oleh kerana terdapat setengah-setengah orang hanya mengambil bahagian dalam Rela itu dengan tujuan untuk dapat menggunakan senjatapi sahaja.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Saya tidak begitu faham soalan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kemukakan sekali lagi.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengeluarkan soalan ini oleh sebab terdapat setengah-setengah ahli Rela yang boleh membawa senjata itu ke rumahnya tetapi ada setengah ahli Rela itu tidak dibenarkan, apakah perbezaannya?

**Tuan Sanusi bin Junid:** Perkara ini bergantung kepada kebijaksanaan Ketua-ketua Unit-unit Rela sendiri dan satu perkara lagi yang Ahli Yang Berhormat timbulkan awal tadi iaitu ada orang masuk jadi ahli Rela kerana berkehendakkan senjata, orang itu berkehendakkan senjata kerana dia fikirkan yang dia perlu senjata untuk menjaga keselamatan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri, sebenarnya ahli-ahli Rela ini tidak menjalankan tugas sebagaimana yang dikehendaki dan kadang-kadang ada berlaku penyelewengan dalam Rela ini di

sebabkan pegawai-pegawai Rela itu tidak diberi imbuhan yang sepatutnya, misalnya diberi gaji dengan lebih baik sebagaimana pegawai-pegawai lain yang mendapat kenaikan gaji tetapi pegawai Rela tidak dapat kenaikan gaji, apakah cadangannya untuk menyemak gaji pegawai-pegawai Rela.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Saya ingin ucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih kerana beliau merupakan satu-satunya Ahli Parlimen yang menjadi Ketua Unit Rela dan beliau tentulah mengetahui masalah yang dihadapi tetapi mengenai soalan beliau ada soalan lain yang sama dan saya berharap beliau bersabar apabila perkara itu timbul nanti saya akan memberi jawapan yang lebih jelas dan saya berharap Ahli-ahli Dewan yang lain juga turut mencontohi Ahli dari Pasir Putih menjadi Ketua Unit Rela.

## PENDATANG HARAM VIETNAM

**8. Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan setakat 30-9-1980 berapa ramai pendatang haram dari Vietnam masih ada lagi di Malaysia. Berikan angka-angka kedatangan pendatang-pendatang haram tersebut bagi bulan-bulan Julai, Ogos dan September, 1980, dan dalam tempoh yang sama berapa ramai telah meninggalkan Malaysia untuk ditempatkan di negara-negara ketiga.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Tuan Yang di-Pertua, setakat 30hb September, 1980 seramai 13,704 orang pendatang haram Vietnam masih berada di negara ini. Jumlah pendatang haram Vietnam yang masuk ke negara ini dan dipindahkan ke negara ketiga bagi bulan-bulan yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat ialah:

	Pendatang haram masuk ke Malaysia	Pendatang haram dipindahkan ke negara ketiga
Julai ...	1,416	2,998
Ogos ...	865	3,592
September	645	4,931

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baki pendatang haram Vietnam yang ada di negara ini sehingga pukul 12.00 malam tadi ialah 12,984 orang.

## ASEAN—PAKATAN PERTAHANAN

**9. Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan kepada penaklukan Vietnam terhadap Kampuchea dan pencerobohan Vietnam di sepanjang sempadan Thailand, adakah Kerajaan akan menimbangkan secara serius menubuhkan satu pakatan pertahanan militer bersama di-hantar ke negara-negara ASEAN untuk mempertahankan dan menjamin kedaulatan negara-negara ASEAN.

**Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, ASEAN seperti yang terkandung di dalam deklarasi Bangkok tahun 1967, adalah sebuah pertubuhan berteraskan untuk mencapai pembangunan negara-negara anggotanya dan keutuhan serantau melalui kerjasama yang rapat di bidang ekonomi dan sosial di kalangan negara-negara anggota ASEAN bukanlah merupakan satu pakatan tentera atau suatu pertubuhan yang bersifat "antagonistic". Malah ASEAN akan kekal dengan bentuknya seperti yang ada sekarang dan tidak sekali-kali berniat mengubah bentuknya kepada suatu pakatan pertahanan tentera. Walau bagaimanapun, tiada sebarang halangan bagi mana-mana negara anggotanya menyertai kerjasama dua-hala dalam bidang keselamatan untuk membentasi segala masalah negaranya seperti ancaman-ancaman yang menjadi masalah bersama sepertimana yang sedang dilakukan di antara Malaysia dengan Thailand dan di antara Malaysia dengan Indonesia.

Pencerobohan Vietnam di Kampuchea dan berlanjutannya perkembangan-perkembangan di sepanjang sempadan Thai-Kampuchea adalah merupakan ancaman kepada keamanan dan kesetabilan rantau ini dan sudah tentulah perkara itu menjadi suatu kebimbangan yang serius kepada negara-negara ASEAN. Dalam pada itu, negara-negara ASEAN yang lain juga telah bersatu-padu dan menyatakan sokongannya kepada Thailand dalam usahanya mempertahankan kemerdekaan, keutuhan wilayah dan kedaulatan negaranya. Justeru itu, kita telah terlibat secara langsung berusaha mencari suatu penyelesaian politik bagi masalah Kampuchea itu. Dengan cara inilah, kita harap ancaman tersebut dapat di-elakkan dan konsep ZOPFAN akan dapat diperaktikkan dan menjadi suatu kenyataan.

**Tuan Lim Cho Hock:** Adakah Menteri sedar masih tidak ada satu Five Power Defence Pact iaitu satu pact yang tidak mati dan tidak hidup. Bolehkah Kerajaan meluaskan Five-Power Defence Pact supaya negara-negara di ASEAN yang belum masuk dalam pact itu boleh masuk? ASEAN ditubuhkan pada tahun 1967 tetapi hingga sekarang 13 tahun sudah lepas dan keadaan di South East Asia telah berubah. Bolehkah Kerajaan menimbangkan sekali objektif ASEAN, bolehkah ASEAN jadi satu military pact, bukan sahaja cooperation di bidang ekonomi dan sosial sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal Five-Power Defence Agreement itu lain, Yang Berhormat. Itu soal yang lain kerana soalan yang asal ialah berkenaan dengan ASEAN dan begitu juga telah dijelaskan tadi oleh Yang Berhormat Menteri bahawa ASEAN tidak dijadikan military pact melainkan kalau ada satu negeri dengan satu negeri lain itu tidak menjadi tegahan. Kalau ada Yang Berhormat Menteri hendak tambah lagi.

**Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa hendak memperbaiki perkataan Pact yang sebenarnya tidak ada 'Pact' langsung dalam Five power; tetapi "Arrangement"—Five Power Defence Arrangement. Itulah penjelasannya, saya tidak suka hendak tambah lagi apa yang Tuan Speaker telah nyatakan.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Memandangkan tindak-tanduk dan dasar Soviet Union dan Vietnam di rantau ini telah membawa satu suasana yang sangat genting dan bahaya sehingga memaksa Thailand telah menyatakan pendiriannya bahawa ASEAN dijadikan satu pakatan ketenteraan, maka adakah Malaysia akan memberikan sokongan yang kuat terhadap pakatan itu kerana memandangkan pertubuhan ASEAN hari ini tidak boleh mempertahankan keutuhan dan kemerdekaan kawasan mereka bila Thailand benar-benar telah diceroahi oleh Vietnam?

**Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulang sekali lagi iaitu ASEAN adalah satu pertubuhan ekonomi ataupun kerjasama sosial, kebudayaan dan ekonomi dan tidak bercadang hendak menukarkan coraknya kepada satu pertubuhan ketenteraan di antara

semua negara-negara ASEAN yang menganggotainya. Saya suka menyatakan ini akan kekal begitu dan tidak ada cadangan langsung buat masa sekarang ini ditukarkan corak kepada satu pakatan ketenteraan.

Saya suka mengulang sekali lagi adalah menjadi dasar kepada tiap-tiap satu negara dalam ASEAN supaya menguatkan keutuhan (resilience) tiap-tiap satu negara itu dalam ASEAN. Dengan adanya keutuhan (resilience) ini terbuktilah dan akan mendapatkan bersama keutuhan di rantau ini di dalam Asia Tenggara.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa rata-rata dalam forum antarabangsa soal ZOPFAN dan juga konsep ASEAN ini dipersoalkan dan keikhlasan ASEAN juga dipersoalkan oleh sebab hubungan Malaysia dan Singapura dengan penyusunan pertahanan lima negara dan Australia dan New Zealand pula dengan pakatan ANZUS, dan SEATO dan secara tidak langsung dengan NATO. Jadi kalau Yang Berhormat Menteri sedar adakah Yang Berhormat Menteri bercadang supaya pakatan kita dengan penyusunan tentera lima negara itu dibubarkan sahaja?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-hajj:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya sebutkan sekejap tadi Five-Power Defence Arrangement, perjanjian lima negara yang kita telahpun buat pada tahun 1971 dahulu ialah satu perjanjian yang tidak ada commitment langsung daripada ahli-ahli negara yang menandatangani perjanjian ini iaitu izinkan saya kata dalam bahasa Inggeris, hanya consultative in nature, tidak ada pakatan yang boleh menjamin iaitu tiap-tiap satu negara yang menandatangani itu untuk membantu jikalau ada berlaku satu-satu perkara dalam negara yang berkenaan ini. Jadi saya sedar bahkan ASEAN sendiri ertinya kita Malaysia sebagai negara yang mula-mula mengeluarkan konsep ZOPFAN ini di atas kebaikan supaya di Asia Tenggara ini ZOPFAN ini benar-benar dilahirkan, dipraktikkan supaya menjamin keamanan dan kestabilan melalui konsep ZOPFAN ini

dan tidak ada cadangan kita hendak mengadakan satu-satu pakatan yang lain ataupun membubarkan apa yang kita buat masa sekarang ini.

### GURU UGAMA—KENAIKAN PANGKAT

**10. Tuan Awang bin Jabar** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa orangkah Guru-guru Ugama yang cukup syarat kelayakannya yang telah dinaikkan ke pangkat Guru Besar dan Penolong Kanan di Sekolah-sekolah Rendah di seluruh negara.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat sehingga sekarang ini Kementerian Pelajaran belum pernah menaikkan pangkat guru-guru Ugama ke jawatan-jawatan Guru Besar dan Penolong Kanan di Sekolah-sekolah Rendah di seluruh negara. Ini disebabkan guru-guru Ugama hanya diserapkan ke Kategori C2 pada tahun 1974 dan mereka belum lagi memenuhi syarat-syarat mengikut Skim Perkhidmatan Pelajaran Kategori C2 untuk dilantik sebagai Guru Besar atau Penolong Kanan Sekolah-sekolah Rendah.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran akan mempertimbangkan kedudukan mereka apabila mereka memenuhi syarat-syarat Kenaikan Pangkat dan sekiranya mereka didapati sesuai mengikut kelayakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hiew Nyuk Yin.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 11.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang adalah atas nama Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

### DOKTOR/PAKAR PERUBATAN—KEKOSONGAN JAWATAN

**11. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah masalah yang dihadapi dalam mengisi semua kekosongan Doktor-doktor dan Pakar-pakar Perubatan dan apakah langkah-langkah akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh Kementerian Kesihatan dalam mengisi semua kekosongan jawatan Doktor-doktor dan Pakar-pakar Perubatan ialah tidak cukup calon warganegara yang layak dilantik untuk jawatan-jawatan tersebut dalam satu perkhidmatan yang sentiasa berkembang. Selain dari itu ramai jua Pegawai-pegawai Perubatan dan Pakar-pakar meletakkan jawatan mereka sebaik sahaja tamat perkhidmatan wajib dengan pihak Kerajaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan juga sentiasa mengambil tindakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berkenaan dengan menggalakkan terutama sekali doktor-doktor tempatan supaya terus berkhidmat dengan pihak Kerajaan. Di samping itu Kementerian Kesihatan mengambil Pegawai-pegawai Perubatan dan Pakar-pakar dari negara-negara asing seperti negara Burma, Indonesia, India dan lain-lain lagi secara kontrek. Bilangan penuntut-penuntut tempatan di universiti-universiti di luar negeri khususnya universiti-universiti tempatan juga ditambah. Pegawai-pegawai Perubatan adalah digalakkan menjalani pengajian lanjutan dengan mengadakan peluang-peluang untuk mendapatkan kelayakan kepakaran ijazah lanjutan dengan tawaran biasiswa dan cuti belajar.

Selain daripada itu kemudahan-kemudahan juga diadakan untuk doktor-doktor mengikuti ijazah lanjutan secara tempatan. Kerajaan juga sentiasa berusaha menarik minat Pegawai-pegawai Perubatan dan Pakar-pakar untuk terus berkhidmat dengan Kerajaan dengan memperbaiki tanggungaji dan lain-lain pendapatan dan kemudahan-kemudahan serta kenaikan taraf jawatan-jawatan yang ada bagi memberi "prospect" kerjaya yang lebih baik kepada doktor-doktor dan pakar-pakar kita dari masa ke semasa.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kekurangan doktor selalunya disebabkan oleh para doktor ini keluar daripada perkhidmatan Kerajaan. Oleh kerana perbelanjaan untuk melatih atau untuk belajar mendapat ijazah kedoktoran bagi seseorang pelajar itu adalah banyak dan tinggi ditanggung oleh Kerajaan, apakah Kerajaan

bercadang untuk melanjutkan tempoh kontrek doktor-doktor ini di dalam perkhidmatan Kerajaan.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, setakat ini kita telah meminta supaya doktor-doktor yang berkhidmat dengan kita bekerja selama tiga tahun bagi mereka yang masuk perkhidmatan dengan Kementerian Kesihatan dan dua tahun bagi mereka yang berkhidmat dengan pihak tentera. Setakat ini belum ada cadangan untuk memanjangkan tempoh kontrek itu.

## PERKEMBANGAN INDUSTRI KECIL

**12. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah pelan (blueprint) tertentu yang disediakan sebagai panduan untuk pertumbuhan dan perkembangan industri-industri kecil dan sama ada beliau sedar bahawa satu penghalang utama yang membantutkan pertumbuhan industri-industri kecil atau ringan, sebagai contoh di Wilayah Persekutuan, ialah kesukaran mendapatkan tanah yang sesuai, jika sedar, apakah langkah yang beliau cadangkan bagi mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar kepentingan industri-industri kecil dalam bidang pembangunan industri dalam negara dan juga tentang sumbangannya terhadap pencapaian matlamat sosio-ekonomi negara kita. Memandangkan kepada pelancaran Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan pada ketika ini sedang mengkaji program-program terhadap pembangunan industri-industri kecil bagi tujuan untuk membaiki kepesatannya. Untuk tujuan ini Kementerian saya akan menubuhkan satu unit khas yang akan dipertanggungjawabkan dengan peranan yang dinamik merangka dasar dan menjadi penggerak utama dalam program-program pembangunan terhadap sektor industri dan enterprise kecil. Tujuan ini ialah untuk memastikan pertumbuhan dan pembangunan yang sihat dalam sektor ini.

Kementerian saya juga sedar bahawa satu daripada masalah-masalah yang dihadapi oleh industri kecil, industri ringan ialah kesukaran untuk mendapat tapak yang sesuai. Walau bagaimanapun, masalah ini adalah menekankan kepada pusat-pusat pembangunan yang sedia ada seperti Wilayah Persekutuan, Lembah Kelang, Pulau Pinang, Ipoh dan Johor Bahru yang mana permintaan terhadap kawasan industri adalah tinggi dan kesukaran untuk mendapatkan kawasan-kawasan tersebut bukan sahaja terdapat di kalangan industri kecil bahkan juga dirasai oleh industri-industri sederhana dan yang besar.

Kementerian saya melalui MIDA sentiasa bekerjasama rapat dengan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, agensi utama di peringkat negeri yang bertanggungjawab terhadap pembangunan kawasan-kawasan perusahaan. Usaha-usaha akan diteruskan untuk menempatkan industri-industri kecil dalam kawasan-kawasan perusahaan yang dibangunkan oleh Perbadanan-perbadanan ini.

Berhubung dengan perkara ini adalah perlu ditegaskan bahawa di antara kawasan-kawasan perusahaan yang dibangunkan terdapat kawasan-kawasan khas untuk industri ringan dan industri kecil dan pada kebanyakan kawasan-kawasan yang lain ada peruntukan diberi kepada industri ringan dan industri kecil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Hashim bin Endut.

*(Soalan No. 13 Y.B. Tuan Haji Hashim bin Endut tidak hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 14.

#### **PELAJAR MALAYSIA DI AUSTRALIA/ NEW ZEALAND—TABUNG PINJAMAN**

**14. Tuan Lee Lam Thye** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau telah menubuhkan sebuah tabung pinjaman khas untuk pelajar-pelajar Malaysia di Australia dan New Zealand supaya dapat beri pelajar-pelajar kita bantuan kewangan akibat pengenaan yuran yang

dikenakan oleh pihak-pihak berkenaan di Australia ataupun untuk menghadapi sebarang kemungkinan (*contingencies*) sepertimana dijanjikan oleh beliau apabila beliau melawat Australia dahulu.

**Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan Yang Mulia ini saya telah mempastikan bahawa penubuhan tabung yang berasingan untuk keperluan membantu pelajar-pelajar yang kekurangan wang tidak akan diadakan bagi Australia dan New Zealand secara berasingan. Ini adalah berpandukan kepada Akta Aturcara Kewangan yang ada sekarang. Mengikut Aturcara Kewangan tersebut dan bertujuan menyelaraskan usah-usaha Kerajaan membantu pelajar-pelajar kita di luar negeri keseluruhannya, maka Kementerian saya sedang merundingkan dengan pihak Perbendaharaan untuk menubuhkan satu Tabung yang lengkap yang boleh digunakan oleh semua Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri. Apabila Tabung ini ditubuhkan nanti iaitu selepas mendapat persetujuan Kerajaan dan Dewan yang mulia ini, maka keperluan seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dengan sendirinya diatasi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 dan No. 15 hingga 21 adalah diberi di bawah ini)*

#### **BEKALAN ELEKTRIK KE DAERAH PENDANG DAN SIK**

**13. Tuan Haji Hashim bin Endut** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sebab kelewatan di dalam membekal elektrik kepada rakyat di kawasan-kawasan pendalaman seperti di daerah Pendang dan Sik sungguhpun kawasan-kawasan berhampirannya sudah lama mendapat bekalan elektrik.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Terlebih dahulu ingin saya menegaskan sekali lagi bahawa adalah dasar dan hasrat Kerajaan untuk membekalkan elektrik kepada kawasan-kawasan luar bandar, tidak kira di mana letaknya kawasan-kawasan ini. Walau bagaimanapun, seperti yang Ahli Yang Berhormat

sedia maklum, untuk membekal elektrik kepada kesemua kawasan-kawasan pendalaman akan mengambil masa. Namun begitu, Kerajaan telah, sedang dan akan terus meningkatkan prestasi agensi-agensi pelaksana yang berkenaan supaya lebih ramai lagi penduduk-penduduk luar bandar dapat menikmati kemudahan bekalan elektrik di dalam jangka waktu yang sesingkat mungkin.

Mengenai daerah-daerah Pendang dan Sik, suka saya menyatakan bahawa semua projek bekalan elektrik luar bandar yang dirancang bagi kawasan-kawasan yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah dilaksanakan. Bagi daerah Pendang sebanyak 18 buah projek di bawah Rancangan Malaysia, Ketiga yang menelan belanja sebanyak \$3,286,309 yang dapat memberi munafaat kepada 3,131 buah rumah tangga telah dilaksanakan. Daripada 18 buah projek ini sebanyak 15 telahpun siap dan baki sebanyak 3 buah projek lagi dijangka siap sebelum akhir tahun ini. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat pula, sebanyak 23 lagi buah projek, yang dijangka akan menelan belanja sebanyak \$7,484,500 dan akan memberi munafaat kepada 3,485 keluarga, dicadangkan bagi daerah tersebut.

Bagi daerah Sik pula, sebanyak 10 buah projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, yang menelan belanja sebanyak \$3,364,106 dan memberi munafaat kepada 2,484 keluarga telah siap dilaksanakan. Sebanyak 17 buah projek yang dijangka akan menelan belanja sebanyak \$5,782,000 untuk memberi munafaat kepada 2,508 keluarga telahpun dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

### KONSULAT MALAYSIA DI SAN FRANCISCO

**15. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali** meminta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kerajaan bercadang menubuhkan sebuah Konsulat di San Francisco; jika tidak, mengapa?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Pada masa ini Kementerian Luar Negeri tidak mempunyai cadangan untuk menubuhkan sebuah Konsulat di San Francisco kerana Kedutaan kita di Washington sudah didapati

mencukupi untuk mengendalikan kepentingan Malaysia di negara itu. Lagi pun, untuk faedah perdagangan, pelaburan modal dan pelancungan, Kerajaan telahpun mempunyai Pejabat-pejabat Perdagangan, Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia dan Lembaga Kemajuan Perusahaan Malaysia.

Tugas-tugas konsular juga sedang diendalikn oleh Konsulat-Jeneral Kehormat kita Encik Harry L. Haehl.

### ELAUN KEPADA PEGAWAI TENTERA DI LUAR NEGERI

**16. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa staff officers yang dihantar berkursus ke luar negeri terutamanya di Amerika Syarikat elaun yang diberi tidak mencukupi. Jika ya, sama ada Kerajaan akan menimbangkan bahawa setiap staff officer yang dihantar berkursus ke luar negeri diberi elaun yang secukupnya, sekurang-kurangnya mereka dapat mengenalkan Malaysia s cara lebih dekat kepada rakan-rakan mereka. Jika tidak mengapa?

**Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar):** Kerajaan sedar tentang kekurangan elaun yang diberi kepada pegawai-pegawai dan lain-lain pangkat anggota tentera yang berkursus di luar negeri. Untuk makluman Dewan, satu pengkajian yang mendalam telahpun diselesaikan dan Perbendaharaan Malaysia telahpun meluluskan elaun berkursus luar negeri yang baru bagi anggota tentera berkuatkuasa mulai 14hb Oktober 1980.

Pada keseluruhannya elaun kursus yang baru ini adalah dianggap lebih baik daripada apa yang dinikmati oleh anggota tentera sebelum ini. Misalnya, seorang pegawai tentera yang berpangkat Mejar atau Kap'ten yang diiringi oleh keluarga dan berkursus di London boleh mendapat elaun sara hidup, elaun bantuan keluarga dan elaun tambahan bantuan perumahan yang berjumlah sebanyak £415 (atau lebih kurang sebanyak M\$2,075.00 sebelum) berbanding dengan sebanyak M\$609.50 dahulu. Tambahan ini merupakan kenaikan sebanyak 24%. Bagi pegawai yang sama yang berkursus di Amerika Syarikat ianya sekarang boleh mendapat sebanyak US\$610 (M\$1,342), yang merupakan kenaikan sebanyak 163%.

Di samping itu jika elaun perumahan yang dinikmati oleh pegawai berkeuntungan di Malaysia lebih tinggi dari apa yang diberi sebagai elaun perumahan di luar negeri, pegawai ini terus menikmati kadar yang lebih tinggi ini. Sebaliknya jika elaun bantuan perumahan di luar negeri lebih tinggi dari apa yang beliau berkeuntungan mendapat di Malaysia beliau akan terus menikmati kadar yang lebih tinggi di seberang laut. Selain dari itu elaun-elaun berikut akan juga diberi kepada seorang anggota tentera apabila ia berkursus di luar negeri:

- (a) *elaun penempatan* (dengan kadar yang sama dengan sebulan kadar elaun berkursus)
- (b) *elaun membawa barang lebihan (excess baggage)*:
  - (i) dengan udara—7 kilo (accompanied)  
25 kilo (unaccompanied)
  - (ii) dengan laut—12 kaki padu atau 75 kilo.
- (c) *elaun bantuan keluarga*  
seorang anggota yang mendapat cuti belajar tanpa gaji untuk berkursus lebih daripada 12 bulan boleh menikmati elaun ini.
- (d) elaun pakaian panas awam juga boleh dibayar kepada seorang anggota yang berkursus di iklim sederhana; dan
- (e) *rawatan perubatan*

Sebagai penutup inginlah saya memaklumkan kepada Dewan ini bahawa elaun berkursus di luar negeri bagi anggota tentera telah mengambilkira segala jenis kedudukan dan keadaan. Dengan demikian saya percaya tidak terdapat di mana-mana keadaan sekali pun di mana seorang anggota tentera akan mendapat kadar elaun berkursus di luar negeri yang kurang dari apa yang mereka menerima sebelum ini.

#### BEKALAN GULA DI KELANTAN

**17. Tuan Haji Ibrahim bin Muhammad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan bekalan gula adalah sentiasa

mencukupi bagi keperluan penduduk negara ini. Adakah Kementerian ini sedar bahawa keadaan kekurangan gula yang berlaku di Negeri Kelantan baru-baru ini telah berubah menjadi isu politik oleh setengah-setengah mereka yang tidak bertanggungjawab oleh yang demikian apakah cara-cara baru yang akan diambil oleh Kerajaan bagi membolehkan rakyat di luar bandar memperolehi bekalan bahan tersebut secara mudah dengan harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

**Dato' Lew Sip Hon:** Soalan ini adalah hampir sama dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang telahpun saya jawab pada 14-10-1980 dan saya tiada apa-tambahan untuk jawapan itu.

#### PEGAWAI RTM BERKURSUS KE AMERIKA SYARIKAT

**18. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed** minta Menteri Penerangan menyatakan berapa ramaikah pegawai-pegawai RTM dihantar berkursus ke Amerika Syarikat, memandangkan banyak filem-filem ditayang oleh RTM diimport dari Amerika Syarikat dan diminati ramai serta mutu yang baik.

**Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):** Dalam beberapa tahun kebelakangan ini sejumlah enam orang pegawai kanan RTM telah mengambil kursus lanjutan "Post Graduate" dan empat dari mereka telahpun kembali dengan kelulusan Masters Degree dalam bidang pengkhususan komunikasi. Seorang pegawai kanan Bahagian Berita telah juga menalani kursus dan lawatan sambil belajar di Amerika Syarikat.

#### JALAN BUKIT BENDERA

**19. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan kepada hakikat bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai wang untuk membina Jalan Bukit Bendera, sama ada Kerajaan Persekutuan akan menimbang membiayai pembinaan jalan tersebut.

**Datuk Shahrir bin Abdul Samad:** Setakat ini, belum lagi diterima permohonan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya Kerajaan Persekutuan membiayai pembinaan

jalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, sekiranya permohonan itu dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan, permohonan itu akan dikaji dan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

### PEKERJA PERUSAHAAN LETRONIK DI PULAU PINANG—MENUBUHKAN KESATUAN

**20. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Buruh dan Tenaga menyatakan sama ada beliau sedar pegawai-pegawai syarikat-syarikat letronik di Pulau Pinang masih belum diorganisasikan dengan sepenuhnya; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementeriannya untuk membantu pekerja-pekerja dalam bidang perusahaan letronik disatukan dalam sebuah kesatuan sekerja dan nyatakan sebab-sebab mengapa permohonan yang diterima untuk menubuhkan sebuah kesatuan sekerja untuk pekerja-pekerja di dalam perusahaan letronik masih belum lagi diluluskan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun):** Pendaftar Kesatuan Sekerja masih lagi sedang membuat penyiataannya atas permohonan-permohonan tersebut. Satu keputusan akan hanya dapat apabila penyiataan tersebut selesai kelak.

### PENDUDUK KAMPONG BARU

**21. Tuan Umar bin Haji Ismail** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah yang akan diambil bagi mengatasi kesesakan dan kepadatan penduduk-penduduk kampung baru dalam negara ini.

**Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum langkah-langkah yang hendak diambil bagi mengatasi kesesakan dan kepadatan penduduk-penduduk kampung-kampung baru dalam negara ini adalah satu proses yang melibatkan kuasa tanah, perumahan, peluang pekerjaan di bandar-bandar dan penyertaan pemuda-pemuda di dalam rancangan tanah.

Mengikut Perlembagaan Malaysia perkara-perkara mengenai tanah adalah di dalam bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Kementerian saya ada membuat perhubungan yang rapat serta kerjasama yang erat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan mengenai hal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak dapat memberi jaminan bahawa sempadan kampung-kampung ini akan diperluaskan oleh kerana mereka juga menghadapi masalah-masalah keperluan tanah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ada negeri-negeri yang telah mengambil langkah untuk memperluaskan kawasan kampung-kampung baru. Negeri Selangor dan Negeri Sembilan ada cadangan "comprehensive" untuk memperluaskan kampung-kampung baru. Bagi Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah meluluskan satu peruntukan untuk tujuan ini, manakala di Negeri Sembilan semua projek masih di dalam peringkat perancangan. Di Negeri Melaka pula ada satu rancangan untuk memperluaskan tapak perumahan di sebuah kampung baru. Walaupun tindakan telah diambil untuk mengatasi kesesakan, Kementerian ini berpendapat bahawa langkah-langkah lain juga hendak diambil.

Sekiranya tanah-tanah di sekeliling kawasan-kawasan kampung baru tidak dapat diluluskan, Kementerian ini bercadang bahawa rumah-rumah kos rendah pada masa hadapan hendaklah dibuat di tanah kosong dalam kawasan-kawasan kampung-kampung baru. Perkara ini adalah dalam pertimbangan Kerajaan buat masa ini. Untuk makluman tuan Kementerian ini terdapat ada ramai pemuda-pemudi dari kampung-kampung baru telah mencari pekerjaan di pusat-pusat Bandar yang besar dan tindakan ini telah mengurangkan kesesakan penduduk di kampung-kampung baru.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum Kementerian saya bersama-sama dengan agensi Kerajaan yang lain telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi di kampung-kampung baru dan Kampung Tradisional yang berdekatan. Pada masa tempoh R.M.E. usaha akan dijalankan untuk memberi kampung-kampung baru "a face-life".

## RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1981

### DAN USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1981

##### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 dan Anggaran Pembangunan, 1981 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (Hari Kedua)

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Jawatankuasa*)

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mailis ini sekarang sedang membahaskan iaitu Kepala Perbekalan B. 1 hingga B. 16 dan Anggaran Pembangunan di bawah Kepala P. 8, P. 9 dan P. 10 di bawah Jabatan Perdana Menteri. Dan oleh sebab ada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya catit ini yang bangun untuk mengambil bahagian, saya hadkan tiap-tiap seorang bercakap hanya dalam Jabatan Perdana Menteri ini tidak lebih daripada 30 minit.

Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Pagoh menyambung ucapannya yang sudah bercakap tujuh minit. Sila teruskan.

*Maksud B. 1 hingga B. 16 (Jadual)—*

*Maksud P. 8, P. 9 dan P. 10 (Anggaran  
Pembangunan, 1981)—*

3.36 ptg.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh):** Tuan Pengerusi saya bangun sekali lagi untuk menyambung perbahasan saya semalam, iaitu di dalam Program (5) Pentadbiran Ugama Islam, di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Semalam telah saya sebutkan tentang contoh-contoh bagaimana Majlis-mailis Ugama Islam Negeri-negeri mengeluarkan fatwa-fatwa tetapi tidak ada penyelarasan dan persamaan di dalam segi mengeluarkan fatwa-fatwa tersebut. Berbagai-bagai fatwa telah dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam

Negeri di Malaysia mengenai ajaran-ajaran sesat dan salah. Tiap-tiap Majlis menyarankan fatwa masing-masing dan sehingga ini saya belum lagi dapat mendengar kata sepakat mengenai satu-satu fatwa yang dikeluarkan sama ada fatwa-fatwa tersebut juga sama diputuskan ataupun sebaliknya. Saya bukanlah arif dari segi menegaskan bahawa fatwa-fatwa mana yang betul, tetapi bagi pandangan saya perlulah ada penyelarasan dalam segi menimbal keputusan-keputusan yang dibuat oleh sesuatu Majlis Fatwa Negeri. Saya rasa sudah pasti ada garis-garis yang jelas dari segi Ahli sunnah wal jammah dan juga pandangan-pandangan Mazhab-mazhab yang keempat tentang menilai sesuatu ajaran itu sama ada dia sesat ataupun tidak. Oleh yang demikian, tidak ada sebab mengapa tidak dapat diusahakan melalui Majlis Fatwa Kebangsaan di bawah riayah Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri untuk melaksanakan persamaan pentadbiran Islam di dalam hal ini.

Kita juga mengucap syabas kepada Bahagian Pentadbiran Ugama Islam yang mempunyai daya inisiatif untuk mengadakan program dan juga aktiviti terhadap meningkatkan kegiatan-kegiatan dakwah dan penvelidikan masalah semasa serta menyelaraskan pentadbiran-pentadbiran dan aktiviti Mailis Ugama Islam Negeri. Namun begitu, usaha-usaha baik ini serta approach yang moden terhadap masalah umat Islam ini tidak akan memberi apa-apa kesan selagi Kerajaan-kerajaan Negeri masih berpegang teguh kepada dasar bahawa ugama adalah soal mereka sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan. Kerajaan Pusat justru itu hanyalah sebagai agensi penyelarasan dan tidak mempunyai suara-suara di dalam memperbaiki sistem pentadbiran ugama Islam di peringkat negeri masing-masing.

Pada pandangan saya, Tuan Pengerusi, sudahlah sampai masanya sekarang Kerajaan-kerajaan Negeri mengkaji semula prestasi dan keupayaan mereka bagi melaksanakan program-program ugama Islam ini serta membuat penelitian yang lanjut di atas kemampuan dari segi tenaga dan kewangannya bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti terutama di dalam memberi pendidikan dan pelajaran ugama yang lebih sempurna untuk anak-anak muda Islam hari ini.

Bagi saya Kerajaan Negeri perlu bersikap lebih liberal dalam menghadapi cabaran-cabaran di dalam Abad Ke 15 Hijrah ini dan memberi sekop yang lebih luas bagi menerima penyertaan yang lebih aktif Kerajaan Pusat di dalam program-program pembangunan dan juga projek-projek yang penting bagi memajukan umat Islam di negara ini. Perakuan-perakuan ini perlu dibuat oleh Bahagian Pentadbiran Ugama Islam dan saya yakin jika perubahan sikap ini ada pada tiap-tiap Kerajaan Negeri, sudah pasti Kerajaan Pusat akan memainkan peranan yang lebih aktif dalam membantu Kerajaan Negeri.

Tuan Pengerusi, masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam dan justru itu negara dewasa ini amat besar ancaman-ancaman terhadap aqidah Islam di kalangan orang-orang kita datang dari berbagai bentuk. Ajaran-ajaran sesat dikatakan disebarkan secara sulit dan secara terang. Lebih daripada 50 jenis ajaran-ajaran yang berlaku dalam negara kita pada hari ini. Kesemuanya amat mengelirukan masyarakat Islam dan justru itu kerana belum lahir lagi fatwa-fatwa yang menyeluruh mengenainya. Masyarakat Islam ditinggalkan di dalam keadaan keraguan dan cara ini sudah pasti menggugat keimanan seseorang individu Islam itu. Undang-undang yang lebih ketat semata-mata tidak dapat pasti menjamin penghapusan segala bentuk ajaran sesat dan songsang ini tanpa penguatkuasaan yang sempurna.

Saya suka menyarankan, Tuan Pengerusi, Pusat Islam dan Bahagian Pentadbiran Ugama Islam membuat kajian teliti di atas kemampuan dan kesempurnaan Undang-undang Syariah yang dilaksanakan di peringkat negeri-negeri bagi mengatasi masalah ajaran sesat ini.

Abu Bakar Bapoo telah ditangkap, dijail dan didenda oleh Jabatan Ugama Islam Johor pada satu masa yang lalu. Dan selepas dibayar denda oleh seorang anak muridnya, beliau dibebaskan.

Siapakah yang dapat menjamin bahawa Abu Bakar Bapoo tidak akan terus menyebarkan ajaran sesatnya itu. Dan siapakah yang akan dapat pula menyekat guru-guru taslim dan tarikat dari mengajar dan mengembangkan arannya secara diam-diam ataupun di sebahagian tempat secara terus terang-terangan.

Sudah jelas penguatkuasaan undang-undang semata-mata tidak dapat menjamin kita membenteras usaha-usaha pendakwah ini. Amat membimbangkan lagi, sekali lagi, Tuan Pengerusi, bahawa penyebaran ajaran-ajaran sesat ini ada kaitannya dengan kegiatan-kegiatan kumpulan-kumpulan anti-nasional dan juga komunis. Kita mengalu-alukan langkah yang tegas yang akan diambil oleh Kerajaan Pusat dan Negeri di dalam memerangi dan juga bertindak tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba mengancam keamanan dan keselamatan negara semata-mata dengan menggunakan topeng keagamaan. Tidak dapat dinafikan bahawa pengembang ajaran salah yang mempunyai pengikut yang membuta tuli dan ekstrim akan mengancam keselamatan negara. Biarlah peristiwa berdarah di Batu Pahat pada 16hb. Oktober yang lalu diadukan ingatan yang hitam bagi setiap warganegara Malaysia khasnya masyarakat Islam di negara ini. Tentang akibat daripada ikutan yang membuta tuli oleh setengah golongan masyarakat kita di negara ini.

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya ajaran sesat perlu dibenteras secara berterus-terusan. Dan untuk itu yang penting ialah pelajaran dan pendidikan ugama yang sempurna kepada setiap individu Islam terutama anak-anak muda kita. Pusat Penyelidikan Islam perlu membuat kajian teliti di atas keperluan pelajaran ugama dari peringkat rendah sehingga peringkat setinggi-tingginya. Sememangnya sudah menjadi tanggungjawab yang tradisional bagi rancangan-rancangan pembangunan pendidikan ini dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Tetapi saya merasa curiga di atas keupayaan Kerajaan-kerajaan Negeri melaksanakan program yang amat penting ini. Tidakkah asing kalau dilihat di setengah-setengah tempat di negeri, di negara ini terdapat anak-anak kita belia'ar ugama di Balai-balai Raya, ada yang menumpang di sekolah-sekolah kebangsaan dan tidak kurang juga yang menggunakan balai-balai masjid, surau untuk mereka mengikuti pelajaran ugama. Pada masa-masa yang lalu dengan jumlah murid yang sedikit maka Kerajaan-kerajaan Negeri pasti mampu untuk membiayai kos pelajaran ini. Tetapi pada hari ini soal peluang pelajaran ugama bagi anak-anak muda kita Islam kian meruncing, Kerajaan-kerajaan Negeri telah memberikan banyak sumbangan terhadap memajukan pendidikan Islam dengan membina beberapa buah

sekolah-sekolah agama dan juga mengambil alih sekolah-sekolah agama yang dibina oleh rakyat.

Di Johor, Tuan Pengerusi, hari ini saya menganggarkan kita mempunyai seramai tidak kurang daripada 200,000 anak-anak murid dari kalangan masyarakat Islam yang memerlukan pendidikan agama yang formal. Justeru itu soal kesulitan kewangan dan lain-lain hal pembangunan sekolah-sekolah agama tidak mendapat peruntukan yang mencukupi. Contohnya, Negeri Johor sahaja mendapat hasil lebih kurang \$100 juta setahun, dan dari jumlah tersebut tidak kurang daripada 80% daripadanya adalah digunakan bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan hanya bakinya digunakan untuk tujuan pembangunan. Tidaklah dapat dijangkakan berapa buah sekolah agama yang akan didirikan di dalam Rancangan Malaysia Yang Keempat. Saya kira Kerajaan Negeri khususnya Kerajaan Johor tidak akan mampu menyediakan kemudahan-kemudahan sekolah yang mencukupi kerana bilangan bilik-bilik darjah dan guru-guru pasti lebih banyak dan ramai sekali. Oleh yang demikian, saya sukalah mencadangkan supaya Kerajaan Pusat memainkan peranan yang lebih aktif di dalam membantu Kerajaan-kerajaan Negeri melaksanakan program dan juga projek pembangunan Islam di negeri-negeri. Penglibatan ini amat diperlukan sekali dalam meningkatkan kegiatan-kegiatan pendidikan Islamiah di seluruh negara. Suatu bidang persefahaman dan kerjasama yang lebih erat adalah dikehendaki demi menjaga keutuhan dan kemantapan Islam sebagai agama rasmi negara ini.

Saya ingin mencadangkan supaya peruntukan-peruntukan khas disediakan daripada mana-mana Kepala Pembangunan untuk melaksanakan pembinaan sekolah-sekolah agama Kerajaan di seluruh negara dan bagi tahun 1981 sekurang-kurangnya \$100 juta perlulah diperuntukkan.

Saya tidak lihat bagaimana rancangan ini tidak boleh dilaksanakan memandangkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Yang Keempat dalam tahun 1981 sahaja contohnya Kementerian Pelajaran Malaysia akan membelanjakan wang tidak kurang daripada \$3 billion dan lebih daripada \$293 juta daripadanya adalah untuk pembangunan. Dari jumlah \$100 juta untuk membangun

dan mendirikan sekolah-sekolah agama Kerajaan di seluruh negara adalah amat kecil sekali.

Di samping itu juga, Tuan Pengerusi, saya suka mencadangkan supaya ratio 50:50 diamlkan untuk melaksanakan di dalam pemberian peruntukan ini iaitu separuh daripadanya ditanggung oleh Kerajaan Pusat dan bakinya sepatutnyalah ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Saya kira tindakan boleh diambil oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mendapatkan tapak yang sesuai untuk membina sekolah-sekolah agama Kerajaan.

Di dalam hal ini, sukalah dinyatakan bahawa di kebanyakan negeri-negeri amat mudah sekali memperolehi tanah-tanah yang telahpun diwakafkan oleh masyarakat Islam bagi tujuan pembinaan sekolah-sekolah agama. Bahkan dewasa ini pun dalam kawasan saya tidak kurang daripada 6 tapak telahpun dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk dijadikan tapak bagi sekolah-sekolah agama Islam.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, Bahagian Pentadbiran Agama Islam patutlah merundingkan dengan Majlis Agama Islam Negeri bagi mencari jalan membantu sekolah-sekolah agama rakyat dan juga sekolah-sekolah pondok di merata ceruk rantau yang dapat dihidupkan semula dengan memberi bantuan kewangan dan juga tenaga pengajar. Di dalam memperluaskan kegiatan dakwah Kerajaan Pusat juga perlu memperluaskan bidangnya untuk membina Institut Dakwah dan Latihan Islam di peringkat negeri-negeri bagi membimbing dan melatih para pendakwah yang tulen.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat banyak menyentuh kuasa negeri. Cuba tumpukan kepada peruntukan yang diminta oleh Jabatan yang berkenaan dan boleh juga bercakap umpamanya anggaran atau perbelanjaan yang ada itu tidak mencukupi, boleh diminta tambah; itu tidak mengapa. Tetapi banyak sangat kepada dasar perkhidmatan, sebab itu saya minta tiap-tiap Ahli yang bercakap cuba sebutkan. Butiran berapa atau Program yang keberapa selain daripada Maksud Bekalan B. 8 tetapi sebutkan juga yang lain, Butiran berapa atau Program berapa. Kerana kalau disebutkan Pentadbiran Umma Islam, Pentadbiran Agama Islam juga ada di dalam tiap-tiap tajuk di dalam Anggaran ini. Jadi, jangan banyak sangat menyentuh kepada dasar perkhidmatan, dasar am memang

tidak boleh langsung disebut dalam Jawatan-kuasa ini tetapi dasar perkhidmatan pun jangan sampai begitu panjang sekali dengan tidak menyentuh pada butir-butir yang diminta oleh Kementerian. Hal Negeri di bawah kuasa negeri tak usah banyak sangat, kalau kaitkan sedikit supaya diberi bantuan oleh Kerajaan Pusat, itu boleh juga saya benarkan tadi tetapi jangan panjang kepada negeri. Sila teruskan.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya menyentuh daripada tujuan Bahagian Pentadbiran Ugama Islam di mana ada dicatitkan tentang usaha-usaha yang patut dijalankan oleh Majlis atau Bahagian Pentadbiran Ugama Islam bagi menyamakan, menggalakkan dan juga usaha-usaha untuk meninggikan syiar Islam.

Berbalik kepada apa yang saya sebutkan tadi tentang cadangan supaya dibina cawangan ataupun Institut Dakwah ini di peringkat negeri-negeri. Saya percaya ini akan dapat sambutan daripada pihak Kerajaan Negeri walaupun ia di bawah riayah Bahagian ini supaya dengan cara ini kita dapat melatih dengan lebih berkesan lagi pendakwah-pendakwah tulin yang amat diperlukan dalam saat negara menghadapi cabaran dalam abad yang ke 15 ini.

Tuan Pengerusi, soal yang biasa dibangkitkan oleh masyarakat umum Islam pada hari ini melalui media masa ialah soal-soal yang boleh dianggapkan kurang penting. Kita biasa memperkatakan perkara-perkara yang berkaitan tentang soal perkahwinan . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ini Yang Berhormat bercakap di bawah tajuk mana?

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin:** Di bawah Bahagian Pentadbiran Ugama Islam.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Saya sudah katakan tadi Bahagian Pentadbiran Ugama Islam terjumpa di mana-mana juga—di dalam Pengangkutan Barang-barang, dalam Perjalanan dan Pengangkutan Orang, semua termasuk, jadi yang mana? Adakah di bawah tajuk Gaji dan Upahan?

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin:** Gaji dan upahan.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Kalau di bawah tajuk Gaji dan Upahan bolehlah bercakap.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin:** Itu di dalam mukadimah telahpun saya sebutkan semalam.

**Tuan Pengerusi:** Mukadimah sahaja tidak jadi, tiap-tiap satu itu.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin:** Jadi soal ini, Tuan Pengerusi, soal yang berkaitan yang biasa dibangkitkan dalam media massa yang selalu menimbulkan keraguan dan juga pandangan-pandangan yang kurang menyenangkan masyarakat dan khalayak ramai bukan sahaja di kalangan masyarakat Islam bahkan rakyat negara ini tentang sikap kita terhadap usaha-usaha untuk menyelaraskan undang-undang yang berkaitan dengan ugama Islam. Biasanya perkara-perkara yang dibangkitkan soal-soal yang kecil walaupun bagi setengah orang perkara yang besar seperti kahwin 4, seperti soal khalwat. Baharu-baharu ini juga sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar semalam tentang perlu mengadakan certificate nikah yang patut dibawa oleh mereka yang tinggal di hotel-hotel di Pulau Langkawi dan sebagainya dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan soal melihat anak bulan, seolah-olah kita tidak ada perkara-perkara yang lain yang lebih penting kita tekankan.

Di dalam hal ini, Tuan Pengerusi, saya percaya di bawah Jabatan Perdana Menteri Bahagian ini perlu mengkaji semula dan juga menyusun keutamaan (priority) tentang masalah-masalah pokok yang patut dititikberatkan. Apakah kita telah berpuas hati tentang umpamanya undang-undang mengenai nafkah dan keluarga Islam pada hari ini? Apakah peruntukan-peruntukan di dalam undang-undang itu telah dapat memberi perlindungan yang secukup-cukupnya kepada keluarga anak-anak Islam yang telahpun diceraikan ataupun yang timbul daripada perceraian? Apakah dengan peruntukan yang ada di dalam undang-undang itu menjamin masa depan mereka? Saya pasti kebanyakan negeri-negeri telahpun mempunyai ini tetapi sehingga pada hari ini mungkin perkara ini belum dapat diperbaiki lagi, soal ini soal pokok. Juga soal-soal yang berkaitan tentang cara-cara pengutan zakat dan fitrah yang kadang-kadang tidak dititikberatkan, ada perbezaan di antara sesuatu

negeri dengan negeri yang lain. Di negeri Johor memang ada undang-undang yang mewajibkan pungutan fitrah tiap-tiap tahun tetapi di Kedah tidak wajib walaupun dalam hukumnya patut dibayar, dari segi pentadbiran ini tidak ditekankan. Dan juga soal yang berkaitan dengan pentadbiran wakaf di peringkat negeri-negeri sama ada perkara ini telahpun diselaraskan, sama ada undang-undang yang ada pada hari ini telahpun sempurna untuk dapat kita laksanakan. Ini adalah soal-soal pokok yang saya fikir patut dan harus kita berikan perhatian yang lebih berat.

Saya ingat pada suatu ketika dahulu saranan telahpun dikemukakan oleh Perdana Menteri kita pada masa yang lalu, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman tentang syornya menubuhkan Majlis Penasihat Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Dan apabila syor ini telah dikemukakan kita mendapat tahu sebahagian daripada Kerajaan-kerajaan Negeri tidak menyetujuinya. Saya ingin menyuarakan supaya cadangan ini dihidupkan kembali. Sebab dalam keadaan dan dalam perubahan yang begitu pesat dalam bidang keagamaan dalam negara ini penyalarsan dan juga persamaan dari semua segi undang-undang dan juga pelaksanaan undang-undang ini amat perlu sekali Majlis ini ditubuhkan dan saya menyokong penuh supaya pihak Jabatan Perdana Menteri mengkaji semula dan membuat perakuan kepada Kerajaan Negeri supaya dipersetujui penubuhan satu Majlis Penasihat Hal Ehwal Ugama Islam di mana mengikut cadangan asalnya tiap-tiap Mufti di peringkat negeri-negeri akan menduduki di dalam Majlis ini dan membincangkan masalah-masalah pokok bukan sahaja mengenai masalah fatwa tetapi soal pentadbiran ugama Islam di negeri-negeri.

Tuan Pengerusi, inilah pandangan saya dan sekali lagi saya menyokong dengan sepenuhnya peruntukan yang dipohon oleh Jabatan Perdana Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

4.00 ptg.

**Datuk Senu bin Abdul Rahman (Kuala Kedah):** Tuan Pengerusi, saya juga bangun menyokong peruntukan perbelanjaan tahun 1980 dan 1981 dan saya ingin menarik perhatian kepada Maksud B. 1, muka surat 31

berkenaan dengan Parlimen, iaitu Mengurus dan Mentadbirkan hal-hal berkaitan dengan Persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh dalam bahagian ini dan kalau sekiranya Kerajaan memikirkan daripada cadangan saya ini peruntukan yang diberikan kepada Parlimen sekarang tidak cukup saya harap akan dapat ditambahkan lebih lagi. Apa yang saya cadangkan dalam ceraihan ini iaitu keadaan persidangan Parlimen yang sedang berjalan pada hari ini pada pendapat saya tidak begitu menasabah dan sesuai lagi dengan keadaan perkembangan yang pesat yang berlaku di negara kita. Saya mencadangkan supaya Parlimen ini diadakan di sebelah pagi dan juga di sebelah petang sebagaimana pada masa yang lepas, iaitu daripada pukul 10.00 pagi sehingga pukul 12.30 tengah hari, kemudian berihat daripada pukul 12.30 tengah hari sehingga pukul 2.30 petang, kemudian sambung semula daripada pukul 2.30 petang sehingga pukul 5.00 petang. Sebab-sebabnya saya mencadangkan demikian ialah:

Pertama sekali, dengan keadaan persidangan Parlimen sekarang ini Anggota-anggota Parlimen yang datang luar daripada Kuala Lumpur membuang masa sepanjang-panjang sebelah pagi dengan tidak ada satu pun perkara-perkara yang dapat dilakukan oleh Anggota-anggota Parlimen kecuali kalau sekiranya ada mesyuarat-mesyuarat yang tertentu atau kerja-kerja persendirian.

Kedua, kalau kita adakan mesyuarat ataupun persidangan di sebelah pagi sebagaimana biasa fikiran kita pun fresh ataupun masih lagi bersih, jadi dapat membahar, membincang dan menerima segala apa juga dengan senang dan lebih baik.

Ketiga, saya cadang atau saya fikirkan dengan mengadakan persidangan sebelah pagi itu juga dapat memberi peluang kepada surat-khabar-suratkhabar, dapat memberi peluang kepada Anggota-anggota Parlimen juga melihat berita-berita ataupun ucapan-ucapan yang mereka ucap di dalam Parlimen ini dapat disiarkan di surat-khabar-suratkhabar kerana sebelah petang kalau kita adakan perjumpaan sebagaimana biasa, pukul 2.30 petang sehingga 4.30 petang, pukul 5.00; 6.00 petang tidak ada lagi kesempatan bagi surat-khabar-suratkhabar untuk mengambil berita-berita untuk disiarkan pada besok pagi. Dengan sebab itu

kita lihat pada masa ini sangat sedikit berita-berita Parlimen disiarkan dalam suratkhbar-suratkhbar pada hal banyak berita-berita yang penting, masalah-masalah penting yang dibincangkan dalam Parlimen ini tetapi tidak pun disentuh oleh suratkhbar-suratkhbar pada hal di negeri lain kalau kita lihat bila diadakan sidang Parlimen, berita-berita Parlimen itu sentiasa disiarkan secara besar-besaran dan ucapan-ucapan daripada Anggota-anggota Parlimen, jawapan-jawapan daripada Menteri-menteri sentiasa dibesar-besarkan di dalam suratkhbar-suratkhbar.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Selain daripada itu kita dapat melihat, Tuan Pengerusi, setiap hari bila diadakan perjumpaan di sebelah petang selepas sahaja daripada pertanyaan, daripada pukul 2.30 petang sehingga 3.30 petang kita lihat Dewan ini hampir kosong melainkan kalau ada masa-masanya Ahli-ahli Dewan akan berucap kerana memang tak dapat kita nafikan persidangan diadakan selepas makan tengahari itu, bila kita bersidang kebanyakan kita pun ada yang kenyang, mengantuk dan sebagainya, jadi menyebabkan keadaan tidak begitu elokiah di dalam Parlimen itu sendiri.

Saya dapat tahu juga, Tuan Pengerusi, bahawa ada alasan daripada pihak Kerajaan mengatakan kononnya kalau persidangan ini diadakan di sebelah pagi maka Menteri-menteri tidak akan dapat menjalankan tugas masing-masing kerana tugas Menteri-menteri itu sepatutnya dijalankan di sebelah pagi. Saya rasa bahawa alasan yang demikian adalah sangat negatif, tidak menasabah dan saya katakan berterus-terang kerana sepatutnya di Parlimen ini pun disediakan bilik-bilik, bukan sahaja untuk Ahli-ahli Parlimen tetapi juga untuk Menteri-menteri dan saya tahu ada bilik khas untuk Perdana Menteri, ada bilik khas untuk Timbalan Perdana Menteri, ada bilik khas untuk Menteri-menteri dan perkara ini sudah berjalan pada masa yang lepas. Di sepanjang masa Parlimen pada masa yang lepas Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-menteri bertugas di Parlimen ini sepanjang masa, bukannya mesti bertugas di Kementerian-kementerian yang asal. Jadi dengan jalan yang demikian juga saya rasa kalau Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-menteri kita dapat berada di Parlimen ini di sepanjang masa Parlimen bersidang hubungan

antara Menteri-menteri dengan Anggota-anggota Parlimen pun akan bertambah baik, bila-bila masa sahaja Anggota-anggota Parlimen dapat menemui Menteri-menteri di dalam apa juga masalah-masalah yang boleh dibangkitkan.

Dengan sebab itu, saya mencadangkan, Tuan Pengerusi, kepada pihak Kerajaan, ini pendapat saya sendiri, saya tidak tahu apa pendapat Anggota-anggota Parlimen yang lain tetapi pendapat saya sendiri daripada pengalaman saya bahawa lebih baik Parlimen ini diadakan persidangannya di sebelah pagi dan di sebelah petang. Manfaat dan faedahnya boleh dikatakan kepada semua pihak, kepada Kerajaan dan juga kepada Anggota-anggota Parlimen sendiri. Lagi pun dengan mengadakan mesyuarat sebagaimana yang saya cadangkan tadi ini akan memberi gambaran kepada rakyat umum bahawa kita adalah lebih serius daripada biasa, terutama sekali setelah kita mendapat gaji yang lumayan, tambahan gaji yang lebih sebagaimana yang kita dapat baru-baru ini tentu memberi gambaran yang lebih baik kepada rakyat umum bahawa Anggota-anggota Parlimen dan pihak Kerajaan memang serius sungguh di dalam tanggungjawab masing-masing.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh sedikit dalam Maksud B. 8 muka surat 54 berkenaan dengan Rukun Tetangga. Masalah Rukun Tetangga ini saya telah juga bercakap di dalam Parlimen ini pada masa yang lepas kerana saya masih berpegang dan masih yakin bahawa kedudukan dan perjalanan Rukun Tetangga pada hari ini tidak sebagaimana yang dimaksudkan pada masa penubuhannya dahulu. Jadi biar saya katakan Rukun Tetangga ini seolah-olah pada masa ini sebagai melepaskan batuk di tangga kerana biarlah ada Rukun Tetangga kerana memang kita hendak mengadakan Rukun Tetangga tetapi tujuan dan maksud kita mengadakan Rukun Tetangga itu tidak sebagaimana yang dimaksudkan dahulu. Jadi saya minta peruntukan Rukun Tetangga ini ditambahkan dan saya minta supaya Rukun Tetangga ini dipandang serius oleh pihak Kerajaan sebagaimana tujuan Rukun Tetangga ini ditubuhkan dahulu, iaitu untuk menolong menjaga keselamatan negara.

Dalam menjaga keselamatan negara ini bukannya keselamatan di bandar-bandar sahaja, ini yang salahnya daripada awal lagi. Seolah-olahnya Rukun Tetangga untuk

menjaga keselamatan dalam bandar, itu sebab Rukun Tetangga ini ditubuhkan hanya di bandar pada hal yang sebenarnya keselamatan ini lebih pentingnya di kampung-kampung—kecurian, pembunuhan, berbagai-bagai di kampung-kampung. Jadi saya minta Kerajaan memandang serius dalam perkara ini supaya Rukun Tetangga ini ditubuhkan di tiap-tiap kampung. Kalau sebenar kita hendak menjalankan tanggungjawab kita dan hendak menggunakan Rukun Tetangga ini sebagai alat menyokong Pasukan Keselamatan kita tubuhkan Rukun Tetangga ini di tiap-tiap kampung. Saya tidak nampak sebab pun yang mengatakan tidak boleh ditubuhkan.

Saya pernah mencadangkan kepada salah seorang Perdana Menteri dahulu, saya katakan Perdana Menteri kita boleh memberi arahan kepada Menteri-menteri Besar, Menteri-menteri Besar beri arahan kepada Pegawai-pegawai Daerah, Pegawai Daerah memberi arahan kepada Penghulu-penghulu menubuhkan Rukun Tetangga di tiap-tiap kampung. Sebabnya saya katakan demikian, dengan adanya Rukun Tetangga di tiap-tiap kampung maka pasukan Rukun Tetangga inilah yang akan menolong pegawai-pegawai polis kerana di kampung kita dapati sangat sedikit pegawai-pegawai keamanan atau pegawai-pegawai polis untuk menjaga keselamatan. Jadi kalau ada Rukun Tetangga ini dapat mengelakkan atau dapat menyingkirkan anasir-anasir jahat, apa juga anasir-anasir yang cuba hendak membuat kacau di dalam kampung atau sebagainya.

Begitu juga dalam masa ini tidak bersangkut dengan ceraian yang saya cakap ini, tetapi dalam masalah dadah kita lihat pada hari ini di kampung-kampung. Kalau kita perhatikan bagaimana siberan dadah hari ini, di kampung-kampung—bukan di bandar-bandar sahaja, di kampung-kampung iaitu di kawasan saya sendiri, di sekolah-sekolah menengah menjadi pusat penagihan dadah dan di kampung-kampung sendiri penyebaran dadah ini sudah berjalan dengan begitu pesat sekali. Jadi kalau ada Rukun Tetangga ini ditugaskan untuk menjaga masalah ini, ia boleh dijadikan sebagai satu badan untuk mencegah penyebaran dadah.

Begitu juga dalam masalah kecurian di kampung-kampung, katalah, di bendang terutamanya di kawasan saya selalu kehilangan kerbau lembu, kehilangan basikal,

kehilangan motosikal—kalau kehilangan sebuah basikal umpamanya sama dengan kehilangan sebuah motokar di dalam bandar kerana basikal itu kepada orang kampung sama kegunaannya, sama pentingnya seperti sebuah motokar di dalam bandar, tetapi kita tidak nampak perkara ini. Yang kita besarkan Rukun Tetangga dapat menyelamatkan kehilangan sebuah motokar umpamanya, dalam bandar, tetapi yang hilang beribu-ribu basikal di kampung kita tidak tahu atau beratus-ratus basikal, yang hilang kerbau lembu di kampung kita tidak peduli. Ini semua sepatutnya menjadi tugas kita dan Rukun Tetangga saya rasa dapat menjadi penjaga kepada masalah yang saya sebutkan itu.

Begitu juga dalam kegiatan-kegiatan lain. Kita boleh tugaskan Rukun Tetangga ini menyelidik dan menyiasat di mana ada perjumpaan-perjumpaan sulit ataupun perhimpunan-perhimpunan sulit ataupun yang menjalankan dakwah-dakwah yang di katakan songsang dan sebagainya, pasukan ini boleh menjadi sebagai mata kepada Kerajaan, menjadi telinga kepada Kerajaan. Jadi sepatutnyalah pihak Kerajaan memandang berat dan meletakkan tugas ini kepada Rukun Tetangga kita dan janganlah Rukun Tetangga ini dijalankan sebagaimana yang ada pada hari ini semata-mata di bandar-bandar.

Saya tahu tujuan yang sebenarnya dahulu. Tujuan asal kita tubuhkan Rukun Tetangga berlainan daripada tujuan yang telah diputarbelitkan oleh setengah-setengah pihak demi kepentingan sesuatu. Jadi, saya harap supaya Kerajaan memandang berat dalam masalah ini. Biarlah Rukun Tetangga itu menjadi sebenar-benar anggota yang boleh menolong Kerajaan, menolong pihak polis dalam segala perkara, sebagaimana dadah, menjalankan dakwah ataupun pihak-pihak yang menyebarkan anasir-anasir jahat, komunis dan sebagainya.

Inilah dua perkara yang saya rasa penting dalam membahaskan peruntukan ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Baling.

4.14 ptg.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling):** Tuan Pengerusi, saya akan bercakap dalam Maksud B. 8 Butiran 1100 (4) keselamatan Negara.

**Tuan Pengerusi . . . . .**

**Tuan Pengerusi:** Mukasurat 53?

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:**  
Ya, mukasurat 53.

Tuan Pengerusi, negara kita sedang menghadapi masalah keselamatan dan ancaman terhadap keselamatan. Kerajaan sendiri mengakui bahawa negara kita masih berada dalam keadaan darurat dan Akta-akta Darurat dikanunkan dan terus berlaku dalam negara kita. Walaupun kenyataan ini kadangkala, bahkan seringkali diselubungi slogan-slogan politik yang menyogokkan keyakinan lain kepada rakyat iaitu negara ini dikatakan berada dalam keadaan aman damai berkat pemerintahan Barisan Nasional dan sekiranya parti-parti lain memerintah negara ini akan kacau-bilau dan huru-hara. Bagaimanapun slogan-slogan politik ini tidak dapat menipu sejarah dan kenyataan di atas.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, kita sekarang dalam Jawatankuasa dan kita cuma boleh mengulas atau berbahas dari segi dasar tadbiran, bukan dasar am.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Ini pun termasuk dalam buku ini. Saya hendak bincangkan fasal dasar. Fasal keselamatan itu tentang dasarnya.

**Tuan Pengerusi:** Dasar tadbiran bukan dasar atas keselamatan. Dasar tadbiran.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Ya, sudah tentulah pentadbiran itu melibatkan soal bagaimana hendak menentukan umpamanya siapa yang jadi pengancam siapa yang itu, kemudian apa tindakan hendak diambil. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya tahu apa yang saya cakapkan dan saya harap Yang Berhormat hormati.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Ya, saya akan bercakap tentang Urusetia sebagaimana yang terdapat dalam buku ini iaitu bertujuan untuk membantu Majlis Keselamatan Negara bagi menyelaraskan dengan berkesan dasar-dasar yang berkaitan dengan keselamatan negara dan arahan langkah-langkah keselamatan pada keseluruhannya termasuk gerakan-gerakan keselamatan,

ketenteraman awam dan perkara-perkara yang melibatkan keselamatan negara dan ia mengandungi lapan bahagian iaitu soal Pentadbiran, Bahagian Geraksaraf dan juga menentukan dasar-lasar. Saya akan menyentuh dalam bahagian itu.

Tuan Pengerusi, kenyataan ini juga tidak dapat melindungi hakikat bahawa peristiwa berdarah 13hb Mei berlaku di Kuala Lumpur dan bukannya berlaku di Kota Bharu sewaktu PAS memerintah Kelantan.

Peristiwa-peristiwa seperti di Batu Pahat berlaku di Johor dan tidak berlaku di Bachok ataupun di Pengkalan Chepa. Slogan-slogan politik seperti ini tidak dapat dinafikan bahawa negara kita selama Perikatan dan Barisan Nasional memerintah sentiasa terdedah kepada bahaya dan ancaman. Tetapi masalah keselamatan negara bukan masalah Perikatan atau Barisan Nasional adalah masalah rakyat yang perlu dihadapi dan difikirkan oleh seluruh rakyat. Rakyat mestilah memastikan bahawa Kerajaan yang memerintah mempunyai dasar yang betul dan melaksanakan usaha menghapuskan ancaman dengan tindakan yang wajar dan berkesan. Kerajaan juga tidak boleh mengangap bahawa masalah keselamatan negara hanya boleh dihadapi oleh Kerajaan dan penyokong-penyokong Barisan Nasional sahaja dan kerana itu orang-orang yang tidak menyokong Barisan Nasional yang jumlahnya juga besar tidak patut diberi perhitungan dalam mewujudkan ketahanan masyarakat dan negara bagi menghadapi ancaman keselamatan dan kegiatan mereka sentiasa dijadikan helah secara tidak adil untuk mereka ditahan atau ditangkap.

Sandiwara-sandiwara dicipta untuk memaksa mereka berlakun sebagai subversif, anti-nasional dan sebagainya untuk membolehkan mereka ditahan dan ditangkap. Kerajaan hendaklah menghadapi masalah ancaman terhadap keselamatan negara ini dengan jujur, dengan keinsafan dan fahaman. Pemahaman terhadap masalah adalah asas penting bagi menyelesaikan masalah tersebut, tanpa memahami masalah kita mungkin meraba-raba mencari penyelesaian, lalu kadangkala tunggul disangkakan hantu.

Saya menimbulkan perkara ini kerana saya nampak adanya kekeliruan dasar Kerajaan dalam menghadapi masalah ancaman terhadap keselamatan negara dan kekeliruan

dalam pendekatan pemimpin-pemimpin Kerajaan dalam masalah ini seperti yang saya dapati daripada kenyataan-kenyataan mereka, terutama dalam menentukan pengancam-pengancam terhadap keselamatan itu dan dalam menentukan pengancam-pengancam yang paling utama yang menjadi punca kepada masalah keselamatan negara.

Dalam menentukan pengancam-pengancam yang paling utama beberapa kalangan daripada pemimpin Kerajaan telah menamakan dadah dan dakwah. Saya tidak menafikan bahawa dadah itu merupakan sesuatu unsur kerosakan dan saya juga tidak menafikan adanya kumpulan-kumpulan yang menggunakan ugama untuk menyebarkan fahaman-fahaman karut dan khurafat serta ajaran-ajaran kebatinan. Umpamanya, kegiatan-kegiatan tarikad yang bertujuan mencari kesaktian dan kegiatan-kegiatan seni silat yang menyalurkan jampi-jampi daripada ayat Al-Quran untuk mendapatkan kegagahan dan juga kekebalan. Tetapi apakah ajaran-ajaran karut dan tarikad-tarikad yang menyeleweng ini yang sebenarnya disenaraikan dalam senarai musuh negara yang utama atau kumpulan dakwah Islamiah yang memperjuangkan Islam sebagai nizamul hayat sebagai suatu sistem hidup yang lengkap dan sempurna . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, dalam perkara Urusetia Seminar Persidangan/Antarabangsa (Secretariat for Seminar/International Conference) B. 8, Butiran 1100 (f), perbelanjaan tahun 1981 ialah \$745,300.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Bukan. Ini . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Nanti dahulu Yang Berhormat. Jikalau Yang Berhormat hendak sentuh soal dasar tadbiran yang berkenaan dengan perbelanjaan bekalan yang diperuntukkan, hendak dikurangkan, hendak ditambahkankah atau bagaimana, tetapi jangan terlampau umum sangat. Itu sahaja.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya tidak bercakap berkenaan dengan soal seminar tetapi Butiran 1100 (4)—Keselamatan Negara.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Oleh yang demikian, ada kaitan dengan buku yang diterangkan itu bahawa ini adalah berkaitan dengan soal ini yang menerangkan tujuan-tujuan daripada Majlis Keselamatan Negara itu.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah, Ahli Yang Berhormat, saya dengar tadi Urusetia dan (4) National Security sekalipun perbelanjaannya ialah \$2,509,900 tolonglah tumpukan kalau hendak tambah atau kurangkan perbelanjaan bekalan itu atas masalah-masalah yang Ahli Yang Berhormat sendiri faham.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, sebenarnya wang ini digunakan untuk membiayai Majlis Keselamatan ini dan tentulah ada dasar yang tertentu untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan ini dan saya tumpukan ke arah menentukan dasar itu, kalau dasar silap perbelanjaan pun silap.

**Tuan Pengerusi:** Dasar am lain, dasar tadbir lain. Ini dalam Peraturan Mesyuarat ada. Jadi saya minta Ahli Yang Berhormat tumpukan kepada dasar pentadbiran. Itu sahaja.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, jadi dalam menentukan dasar untuk mengambil tindakan terhadap keselamatan ini, itulah yang menjadi masalah kerana apabila kita tidak jelas tentang musuh yang sebenarnya untuk kita hadapi, maka ini akan melibatkan soal keselamatan dan juga mengenai pentadbiran keselamatan pada keseluruhannya dan kerana itulah saya hendak bercakap tentang soal menentukan dasar itu sahaja bagaimana pendekatan Kerajaan terhadap masalah keselamatan ini dan siapakah yang menjadi pengancam yang sebenarnya. Itulah yang saya hendak tumpukan satu point sahaja. Dalam menentukan dadah sebagai musuh utama negarapun kita lihat suatu bentuk pendekatan yang bersimpang siur, itu sebab peperangan terhadap dadah itu sendiri tidak tepat. Misalnya, dalam pengumuman Yang Berhormat Menteri Kewangan menurunkan cukai ke atas alat muzik baru-baru ini. Tujuannya ialah untuk mengalihkan perhatian anak muda daripada dadah, tetapi bagaimanakah muzik boleh manghalang anak muda daripada unsur yang merosakkan negara ini. Saya tidak mahu mengatakan muzik itu punca merebaknya

dadah tetapi saya hendak menarik perhatian di sini bahawa terdapat contoh-contoh di mana dadah dan pesta muzik itu menjadi pasangan yang serasi seperti pesta muzik Woodstock di Cheras beberapa tahun dahulu misalnya.

**Datuk Yusof bin Malim Kuning:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat hendak beri jalan?

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Beri.

**Datuk Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Ahli dari Baling apakah hubungannya keselamatan negara dengan muzik itu?

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, wakil dari Panti itu tidur dan tidak memahami apa yang saya cakapkan, dan kerana itu saya tidak mahu layan. Tetapi saya tidak mahu mengatakan muzik punca merebaknya dadah, tetapi saya hendak menarik perhatian di sini bahawa terdapat contoh-contoh di mana dadah dan pesta muzik itu menjadi pasangan yang serasi. Pesta muzik Woodstock di Cheras beberapa lama dahulu misalnya. Itu bermakna muzik dan pesta muzik itu tidak memberi sumbangan kepada pencegahan dadah walaupun tidak dikatakan ianya penyubur penggunaan dadah dan alunan irama muzik itu menjadi "Ajinomoto" kepada daya khayalah dadah. Saya bersetuju kumpulan yang membawa ajaran khurafat dan karut-marut dengan menggunakan ugama sebagai musuh negara kerana ajaran karut tidak membawa kebaikan dan mencari kesaktian menerusi kegiatan dan persiapan keganasan mungkin boleh diperalat untuk tujuan-tujuan mengancam keselamatan negara, tetapi nampaknya bukan kumpulan ini yang dimaksudkan oleh pemimpin Kerajaan sewaktu mereka menamakan dakwah sebagai musuh negara kerana di antara pemimpin Kerajaan sendiri ada yang menjadi khalifah kepada ajaran-ajaran atau kumpulan seperti itu.

Pada satu masa dahulu ajaran Nasrul-Haq telah didukung dan dipopularkan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan walaupun majoriti Mufti di Malaysia menolak ajaran itu, tetapi ia dipertahankan berasaskan pendapat dua orang Mufti sahaja. Sekiranya dakwah yang dianggap

musuh ialah golongan yang memperjuangkan Islam sebagai sistem hidup, Kerajaan membuat kesilapan besar, apa lagi jika mereka dianggap musuh yang paling utama. Kerajaan boleh mengatakan bahawa golongan dakwah yang menjadi musuh ialah golongan yang mengkaerkan sesama Islam dengan memecah-belahkan perpaduan umat Islam, tetapi saya suka mengingatkan pemimpin Kerajaan yang selalu menimbulkan isu kafir-mengkafirkan itu janganlah mereka menjadi Khoja Nasaruddin dalam cerita jenaka orang-orang Farsi tua. Sewaktu Khoja Nasaruddin merasa bosan dengan satu kumpulan kanak-kanak mengerumuninya, ia hendak menjauhkan kanak-kanak itu daripadanya dengan menunjuk ke suatu arah secara berbohong dengan mengatakan bahawa di tempat yang dituju itu ada gula-gula yang enak rasanya. Sewaktu kanak-kanak itu meluru ke arah yang ditunjukkan oleh Khoja Nasaruddin, beliau terfikir pula mungkin gula-gula itu ada sungguh di tempat yang ditunjukkan itu, diapun turut berlari bersama kanak-kanak itu. Beginilah Kerajaan cuba membuat dakyah yang dusta dalam isu kafir-mengkafirkan. Akhirnya, Kerajaan sendiri mempercayai dakwah itu menerusi orang-orang penting UMNO yang berhijrah ke dalam PAS.

Kami dapat tahu bahawa isu kafir-mengkafir itu direka oleh strategis UMNO untuk menggunakan penerangan dan peringatan PAS terhadap batas-batas yang membezakan antara . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan 35 (6) kita tak benarkan Ahli Yang Berhormat membaca ucapan begitu cepat sekali, kalau hendak bacapun baca perlahan-lahan sedikit untuk didengar betul-betul oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sini. Kalau sekali sekala hendak pandang pada nota itu boleh.

**Datuk Yusof bin Malim Kuning:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat apa hal?

**Datuk Yusof bin Malim Kuning:** Saya ingin mendapat penjelasan dan perhatian Dewan yang mulia ini sekarang ini kita membahaskan secara detail bukan secara dasar am, tetapi Ahli Yang Berhormat dari Baling itu masih tak faham dengan Standing Orders Dewan ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, tadi sayapun bertanya hal itu, tetapi saya benarkan Ahli Yang Berhormat itu berucap kerana beliau berkata dia hendak mencari pandangan-pandangan umum dahulu sebelum datang kepada perkara-perkara yang tertentu ataupun detail atau butir-butir, jadi saya menunggu lagi supaya Ahli Yang Berhormat itu sampai kepada butir-butir itu.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya mengejar waktu untuk menghabiskan ucapan ini supaya dapat gambaran yang sejelas-jelasnya kerana kebenaran diberi 30 minit sahaja. Kalau lebih saya bercakap . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Kalau begitu ambil isi yang padat-padat dalam 30 minit, itu sahaja-lah terlampau kejar masa bercakap tak terang. Baiklah.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, pada fahaman saya bahawa ancaman terhadap keselamatan negara yang sebenarnya ialah yang utama walaupun perkara-perkara yang saya timbulkan tadi dadah itu juga merbahaya dan juga dari segi ajaran khurafat di mana mementingkan soal kesaktian dan keganasan itupun merupakan juga suatu yang boleh membahayakan. Tetapi saya yakin bahawa masalah pokoknya ialah masalah komunisma dan juga komunisma iaitu faham-faham perkauman yang sempit, faham-faham kebangsaan yang sempit dan apa yang dimaksudkan dengan faham-faham komunisma itu ialah faham-faham dan juga strategi tindakan komunisma pada keseluruhannya yang merupakan ancaman kepada keselamatan umat manusia di abad ini. Fahaman komunisma berasaskan kepada kebendaan, hakikat yang mutlak daripada filsafat dialektika Hegel yang terkandung di dalam falsafah idealisma Pujangga Jerman itu telah digantikan dengan benda sebagai suatu yang dinamik oleh pengasas ajaran komunisma iaitu Karl Marx. Tetapi faham kebendaan ini bukan sahaja dianuti oleh orang-orang komunis, bahkan juga oleh pengikut ajaran falsafah materialisma yang lain sehingga perkembangan materialisma itu merupakan sumbangan besar kepada imperialisma iaitu kuasa-kuasa Barat dan juga imperialisma Russia. Pertentangan di antara kuasa besar di antara lain, sebabnya ialah keghairahan mereka untuk menguasai kekayaan alam

oleh kerana dorongan kebendaan kuasa-kuasa besar itu begitu kuat mereka telah meletakkan masyarakat manusia sentiasa terdedah kepada bahaya dan ancaman keselamatan. Negara kita juga t'dak terlepas daripada bahaya-bahaya itu dan kita sebenarnya berada di pinggir pergisiran kuasa-kuasa besar itu, lebih-lebih lagi dalam negara kita masih terdapat golongan yang berfahaman komunis melancarkan tindakan bersenjata untuk mengambil alih kekuasaan.

Bagi saya komunisma adalah di antara bahaya yang paling utama yang mengancam keselamatan negara termasuklah fahaman materialisma di dalam falsafah, revolusi bersenjata di dalam manhaj tindakan dan dasar perluasan daerah, di dalam strategi politiknya. Saya faham setengah-setengah pemimpin Kerajaan yang lebih rasional telah meletakkan komunisma sebagai musuh utama negara tetapi mereka tidak dapat menentukan dengan tepat adakah bahaya itu berpunca daripada fahaman ataupun manhaj tindakan atau kedua-duanya sekali, kerana kadangkala pemimpin Kerajaan yang lebih rasional itu mengatakan bahawa tentangan terhadap komunis ialah kerana keganasannya dan bukan kerana fahamannya tetapi bukanlah keganasan komunis itu berpunca daripada fahaman bahawa perubahan sejarah . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya sudah banyak kali mengatakan ucapan Yang Berhormat itu menumpukan kepada dasar am. Komunisme, sosialisme dan sebagainya itu adalah dasar am. Kita sedang berbincang, berbahas dalam perkara Maksud Bekalan perbelanjaan. Jikalau Yang Berhormat menyatakan komunisme itu musuh yang pertama negara pada pendapat Yang Berhormat, katakanlah berapa banyak duit hendak dibelanjakan lagi, sama ada hendak tambah atau dikurangkan lagi, tumpuan macam mana yang hendak dibuat. Itulah yang patut dibuat dalam Jawatankuasa. Jadi saya tidak akan benarkan lagi Yang Berhormat menumpukan kepada dasar am.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, musuh negara yang kedua, yang besar, yang utama ialah sepertimana saya katakan tadi ialah Komunisme yang juga sedang berkembang dalam masyarakat kita sekarang di mana banyak sekali baik di

dalam perencanaan-perencanaan dan tindakan-tindakan Kerajaan, pendekatan itu adalah pendekatan perkauman.

Kita dapati bahawa di dalam persiapan untuk Rancangan Malaysia Keempat misalnya kita lihat bahawa setiap komponen di dalam Barisan Nasional mengadakan konvensyen-konvensyen tertentu dan setiap konvensyen itu dengan tujuan untuk mendapatkan faedah yang sebanyak-banyaknya kepada kaum yang diperjuangkan oleh partai berkenaan itu, bukan untuk muslihat semua rakyat dalam negara.

Jadi pendekatan-pendekatan secara perkauman ini merupakan suatu yang membahayakan, suatu yang menjadi ancaman kepada keselamatan negara kita. Oleh kerana pendekatan yang salah ini kita dapati bahawa beberapa tindakan-tindakan Kerajaan terlibat dalam pelaksanaan, dalam menentukan strategi bagi menghadapi masalah keselamatan ini, kita dapati mengandungi beberapa kesilapan dan beberapa tindakan yang pin-cang. Misalnya saya mengambil suatu yunit daripada Majlis Keselamatan Negara iaitu Unit Geraksaraf yang mana dalam buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi tahun 1981 dinyatakan di sini iaitu jil'd yang kedua, muka surat 1396, Prestasi Aktiviti bahagian ini dalam tahun 1980 adalah seperti berikut:

1980

Mesyuarat Jawatankuasa GSPS (Geraksaraf dan Perangsaraf) Negara ... ..	3
Mesyuarat Kumpulan Kerja GSPS	3
Buku Panduan GSPS ... ..	1
Kursus Tatanegara ... ..	6

Dari Prestasi Aktiviti GSPS ini ternyata sekali GSPS sedang menghadapi dilema dan dipengaruhi oleh kekeliruan di dalam memahami dan mengenali pengancam-pengancam keselamatan negara yang sebenarnya. Apakah dadah, apakah dakwah, apakah komunisme ataupun apakah komunisme atau perkauman. Aktiviti Perangsaraf terhadap komunis dan juga perkauman tidak ketara dalam kegiatan Geraksaraf dan Perangsaraf (GSPS) ini. Dan seolah-olah kedua-dua perkara ini, kedua-dua ancaman ini tidak lagi diberi prioriti yang besar dan perang menghadapi komunisme dalam negara seolah-olah dianggap sebagai perkara yang sampingan dalam membentaras ancaman-ancaman terhadap keselamatan negara.

Sebaliknya Perangsaraf lebih dihalakan kepada dakwah, itupun bukan terhadap kumpulan-kumpulan yang membawa ajaran-ajaran sesat dan salah serta kurafat-kurafat menerusi seni silat dan tariqat-tariqat yang diragui asal usulnya kerana kumpulan ini melibatkan orang-orang besar menjadi khalifah-khalifah. Tetapi yang diperangi dalam kegiatan GSPS ialah kumpulan dakwah yang progresif, yang berpotensi untuk masa hadapan negara, kumpulan dakwah yang memperjuangkan Islam sebagai konsep universal dan sebagai "manhaj" yang lengkap dan menyeluruh, yang menjadikan Al-Quran sebagai panduan bukan sebagai azimat untuk mendapatkan kesaktian.

Kegiatan terbesar GSPS dalam tahun 1980 ialah mengadakan Kursus Tatanegara dan kursus-kursus khas untuk mahasiswa. Mengikut maklumat yang saya terima kursus ini dilaksanakan oleh satu bahagian yang pada zahirnya terletak di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedangkan segala arahan-arahan adalah daripada Jabatan Perdana Menteri. Strategi kursus ini ialah bertujuan menghancurkan trend pemikiran yang berasaskan Islam sebagai "nizamul-hayat" untuk membina di kalangan generasi muda suatu bentuk pemikiran yang berasaskan kepada fahaman kebangsaan yang sempit dan mengeneipkan semangat komunisme di kalangan generasi muda.

Dengan tidak berselindung bahagian ini mencampuri pergolakan di kampus-kampus universiti untuk menjamin kekalahan golongan-golongan yang dikatakan golongan dakwah di universiti-universiti. Kegiatan seperti ini kelihatan seolah-olahnya ditumpukan ke arah mewujudkan suasana tertentu di kalangan masyarakat Melayu untuk menjamin survival pemimpin-pemimpin Melayu yang tertentu di kalangan masyarakatnya terutama di kalangan golongan terpelajar. Inilah caranya yang difikirkan sebagai bijaksana untuk menjamin keselamatan negara.

Pihak ini berhujah bahawa survival pemimpin-pemimpin Melayu yang dikatakan liberal adalah penting untuk menjaga hubungan baik antara kaum. Namun strategi seperti ini hanya akan merupakan pengagihan kuasa antara pemimpin-pemimpin kaum di Malaysia sahaja dan tidak dapat dijadikan asas ke arah mewujudkan ketahanan rakyat bagi menghadapi ancaman. Apa lagi apabila

mereka dengan ghairah memerangi tumbuhnya pemikiran baru yang berasaskan kritik-kritik yang bersendikan kepada suatu ajaran yang benar, yang committed sepenuhnya kepada keadilan, keamanan dan kesejahteraan. Ini termasuklah tindakan-tindakan misalnya tindakan untuk percubaan mengharamkan Aliran iaitu Aliran kesedaran negara yang cuba mengemukakan idea-idea, pemikiran-pemikiran baru untuk mewujudkan ketahanan rakyat. Itu juga telah diusahakan supaya kegiatan-kegiatan ini disekat dan pihak Pendaftar Pertubuhan telahpun mengemukakan suatu arahan supaya Aliran mengemukakan sebab-sebab mengapa ia tidak boleh dibatalkan sepertimana yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang semalam.

Walaupun Aliran di antara buku-buku yang dikeluarkan itu juga ada mengkritik PAS tetapi kita mestilah menerima perkara-perkara sedemikian secara yang terbuka kerana ia mahu mengemukakan satu pandangan yang membina yang kita boleh berfikir bersama untuk menimbang apa pendapat-pendapat itu dan golongan-golongan inilah maka tindakan Perangsaraf itu dihalakan dan bukan kepada Komunisme mahupun kepada faham-faham perkauman yang sempit. Bahkan di dalam kursus-kursus itu cuba ditonjolkan, cuba dibangkitkan masalah-masalah faham kebangsaan yang sempit. Sungguh anih di dalam sebuah negara yang mengakui Islam sebagai ugama rasmi tetapi Geraksaraf dan Perangsaraf ditumpukan ke arah kegiatan dakwah, sama anihnya dengan pengharaman terhadap komunis tetapi Perangsaraf dan Geraksarafnya tidak dihalakan sepenuhnya kepada komunisme dan komunalisme yang membahayakan negara itu.

Tuan Pengerusi, saya juga akan menyentuh mengenai Maksud B. 8 Butiran 1100, Program (1) (c) Lembaga Penasihat. Tuan Pengerusi, Lembaga ini telah diwujudkan berasaskan kehendak Artikel 151 (1) Perlembagaan Persekutuan. Artikel 151 (1) adalah berkaitan dengan sekatan-sekatan terhadap tahanan pencegahan yang berbunyi:

"151. (1) Jika mana-mana undang-undang atau ordinar yang dibuat atau diisytiharkan menurut Bahagian ini mengadakan peruntukan bagi tahanan pencegahan—

(a) pihak berkuasa yang atas perintahnya seseorang adalah ditahan di bawah undang-undang atau ordinar itu hendaklah, dengan seberapa segera

yang boleh, memberitahu orang itu mengenai alasan-alasan ia ditahan dan, tertakluk kepada Fasal (3), tuduhan-tuduhan nyataan yang berasaskannya perintah itu dibuat, dan juga hendaklah memberi ia peluang membuat rayuan terhadap perintah itu dengan seberapa segera yang boleh;

(b) tiada seseorang warganegara boleh ditahan di bawah undang-undang atau ordinar itu selama tempoh lebih daripada tiga bulan melainkan jika suatu Lembaga Penasihat yang ditubuhkan sebagaimana tersebut dalam Fasal (2) telah menimbang apa-apa rayuan yang dibuat olehnya di bawah perenggan (a) dan membuat syor-syor mengengainya . . . ."

Lembaga Penasihat yang ditubuhkan ini diberi peranan menimbang, mengulang kaji kes-kes orang tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 dan Ordinar Dharurat, Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah. Ia telah diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri semenjak 1hb Januari, 1977. Jabatan ini pada tahun 1981 telah meminta peruntukan semuanya berjumlah \$668,800 iaitu pertambahan sebanyak \$168,000 dari tahun 1980 yang berjumlah \$500,300.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang peranan Lembaga Penasihat ini yang ditubuhkan dengan kehendak Perlembagaan. Dilihat dari segi Perlembagaan keseluruhannya ia seolah-olah berhasrat untuk memberi kebebasan kepada warganegara dengan mengakui pentingnya sekatan-sekatan yang tertentu. Apabila sekatan ini dibuat satu perkara penting yang diambil kira ialah keadilan, kerana itu Kerajaan telah diberi kuasa oleh Perlembagaan membuat undang-undang atau ordinar bagi tahanan, pencegahan sepertimana yang diterangkan dalam Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan. Dan untuk mengambil kira keadilan dilaksanakan dalam tindakan pencegahan maka Lembaga Penasihat ini telah ditubuhkan. Apa yang hendak saya bangkitkan di sini ialah ketiadaan keseimbangan kuasa dan tenaga antara peruntukan yang memberi kuasa kepada Kerajaan mengadakan undang-undang seperti ISA dengan peranan Lembaga Penasihat bagi memastikan keadilan baik di dalam perlembagaan mahupun di dalam tindakan kuasa menegak keadilan ini lemah

jika dibandingkan dengan kuasa yang diberikan kepada pihak-pihak yang hendak menjalankan tindakan menahan sebagai tahanan pencegah ke atas warganegara. Jika sekiranya Lembaga Penasihat ini mempunyai peranan yang lemah seperti sekarang keujudannya memainkan peranan menegakkan keadilan tidak bermakna langsung. Melainkan jika sekiranya Lembaga ini mempunyai kata pemutus terhadap rayuan-rayuan orang-orang tahanan, barulah keujudannya bermakna. Jika sekiranya . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa cuma dua minit sahaja lagi. Tolong gulung.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Sekiranya keujudannya tidak bermakna dan ia terletak di bawah telunjuk Kerajaan berti tidak siapa pun yang berdiri di tengah antara Kerajaan dan orang yang ditahan untuk menentukan siapa di antara kedua belah pihak yang benar dan salah dari segi nilai-nilai keadilan.

Perhitungan benar dan salah hanyalah akan dinilai dengan penilaian kekuasaan oleh kerana Kerajaan yang berkuasa maka Kerajaan sahajalah dikira benar di setiap masa. Inilah yang terjadi pada hari ini dan Lembaga Penasihat ini sebenarnya tidak mempunyai peranan yang bermakna sekiranya ia tidak diberi kuasa pemutus di dalam menimbang rayuan-rayuan tahanan di bawah ISA, oleh kerana Lembaga Penasihat ini tidak berfungsi secara berkesan, warganegara yang ditahan tidak memberi kepercayaan kepada Lembaga ini untuk mendengar kes-kes mereka. Ini berdasarkan kepada rayuan-rayuan yang dibuat dari jumlah 660 perintah tahanan dan 340 perintah sekatan dalam tahun 1979 hanya 125 pertimbangan sahaja yang dibuat. Jumlah pertimbangan ini berkurangan dalam tahun 1980 kepada 55 sahaja. Pada hal perintah tahanan dan sekatan bertambah kepada 705 dan 406. Ini bagi kes Akta Keselamatan Dalam Negeri, Bagi Ordinan Dharurat, Ketenteraman, dan Mencegah Jenayah 1969 jumlah rayuan dalam tahun 1979 ialah 105 dan dalam tahun 1980 jumlah rayuan berkurang menjadi 51 sahaja.

Keadaan ini merupakan satu tamparan kepada keujudan Lembaga Penasihat tersebut dan sekiranya ia tidak mempunyai apa-apa peranan untuk menegakkan keadilan justru

ia tidak kuasa pemutus, keujudannya hanyalah merupakan sandiwara sahaja dan wang rakyat tidak selayaknya dibelanjakan untuk mengadakan sandiwara keadilan ini semata-mata untuk menjadi bahan ketawa dan penghibur hati kepada orang-orang yang mempunyai kegemaran untuk menahan dan menyekat kebebasan warganegara dengan sebab-sebab dan kenyataan-kenyataan yang tidak boleh dipersoalkan oleh orang-orang tahanan itu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Panti.

4.45 ptg.

**Datuk Yusof bin Malim Kuning (Panti):** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih dan saya bersama-sama menyokong peruntukan Jabatan Perdana Menteri. Saya hendak menyentuh sedikit sahaja, iaitu yang pertama, B. 1 berhubung dengan Butiran 1100, Program (2) . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Muka surat berapa Yang Berhormat?

**Datuk Yusof bin Malim Kuning:** Muka 31—B. 1, Butiran 1100—Mengurus dan Mentadbirkan hal-hal berkaitan dengan Persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat (Parlimen).

Baru sebentar tadi rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah, ada mencadangkan peruntukan yang diperuntukkan ini agak sedikit. Saya menyokong kerana memandang keadaan sekarang ini rasa saya eloklah keadaan Parlimen ini sendiri diubahsuai kerana saya percaya Parlimen ini telah begitu lama wujud. Saya bukan bermaksud supaya bangunan Parlimen ini diubahsuai, apa yang saya maksudkan bangunan Parlimen ini bagus lagi, cuma keadaan dengan peruntukan yang dituntut bagi tahun 1981 tidak mengizinkan untuk mengubahsuai keadaan. Saya harap kalau dapat sama ada dalam Mid-term Review nanti peruntukan ini ditambah. Alasan saya biarlah kedudukan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini sesuai dengan keadaan masa. Umpamanya, dalam keadaan sekarang kalau kita duduk di sebelah sini, bila bangun hendak berucap saya bimbang leher Ahli-ahli Yang Berhormat nanti berat ke sebelah kiri. Kalau

boleh, keadaan kedudukan tempat kita bermesyuarat ini biarlah macam mana di United Nations supaya sesuai sedikit. Saya percaya ini akan memerlukan wang banyak dan juga tentang masa, saya bersetuju supaya masa bukan di sebelah petang oleh kerana beberapa sebab terutama sekali tentang masalah-masalah yang ditimbulkan dalam Dewan Rakyat ini.

Saya percaya perkara yang ditimbulkan di dalam Dewan Rakyat ini adalah perkara yang mustahak, perkara besar yang menyentuh soal-soal negara. Tetapi sayangnya tidak dapat diikuti oleh seluruh rakyat, sebabnya kita bersidang daripada petang sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat itu tadi dan saya bersetuju, pihak mass-media tidak dapat menghantar berita-berita itu untuk diikuti oleh rakyat. Jadi saya rasa, saya bersetuju tetapi sebelah pagi sahaja dan sebelah petang tidaklah payah untuk bersidang lagi untuk membolehkan Menteri-menteri ataupun pegawai-pegawai Kerajaan ke pejabat masing-masing.

Satu lagi, Tuan Pengerusi oleh kerana barangkali saya percaya peruntukan yang tidak mencukupi juga kadang-kadang kita menerima *Hansard* daripada puak Parlimen ada yang lima enam bulan, baru kita terima *Hansard*. Sepatutnya apakala kita bercakap hari ini, esok atau lusa, kita akan terima *Hansard*. Tetapi pada masa yang lepas, pengalaman kita yang lalu, ada yang enam atau tujuh bulan, baru kita terima *Hansard* dan saya difahamkan, rupanya Dewan kita bersidang daripada 2.30 petang hingga 6.30 petang sedangkan pegawai-pegawai yang bekerja di sini hanya sampai pukul 4.00 petang. Lepas itu mereka balik, sebab tidak ada peruntukan diberikan untuk kerja tambahan (*overtime*).

Jadi saya berharap pada masa yang akan datang kalau kita hendak bermesyuarat petang juga, berilah, tambahlah peruntukan ini, berilah pekerja-pekerja kita di dalam Dewan ini overtime untuk kerja-kerja tambahan bagi membolehkan kerani-kerani dan pegawai-pegawai yang bekerja di sini mengikuti sepanjang persidangan Dewan. Tidak ada makna kita bersidang di sini sampai 6.30 petang sedangkan setengah pegawai pukul 4.00 petang sudah balik, tidak dapat mengikutinya. Jadi tidak hairanlah kalau *Hansard* kita ini enam bulan atau tujuh bulan, baru kita terima. Cadangan saya supaya ditambah

lagi peruntukan ini untuk membolehkan pegawai-pegawai di sini mengikuti persidangan Dewan ini sampai Dewan habis. Kalau Dewan habis 6.30 petang, saya harap dapat juga diikuti sampai 6.30 petang. Takdirnya mesyuarat ditangguhkan sampai ke malam, kerani-kerani diberi upah tambahan supaya dapat ia bekerja sampai malam juga.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya hendak menyentuh berkenaan dengan B. 16. iaitu berhubung dengan bantuan kepada peniaga-peniaga kecil.

**Tuan Pengerusi:** Muka surat berapa Yang Berhormat?

**Datuk Yusof bin Malim Kuning:** Saya telah keliru, Tuan Pengerusi, maaf.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada B. 8, muka surat 53, Butiran 1100, Program (5) Pentadbiran Ugama Islam. Berhubung dengan ini, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat rakan saya telah menyentuh dalam soal Pentadbiran Ugama Islam dan memandangkan kepada peruntukan yang dipohon bagi tahun 1981 sebanyak \$2,888,400. Oleh kerana memandangkan keadaan hari ini lebih-lebih lagi setelah peristiwa berdarah di Batu Pahat baharu-baharu ini, jadi keadaan negara kita terutama sekali di bidang ugama di sana sini kita lihat adanya ajaran-ajaran salah. Mulai dari Johor sampai ke Perlis, sampailah ke Pantai Timur dan Barat hari ini banyak terdapat ajaran-ajaran salah yang diisytiharkan oleh pinak Jabatan-jabatan Ugama Negeri.

Oleh kerana memandangkan perkembangan ini, saya mencadangkan wang \$2 juta yang diuntukkan bagi Pentadbiran Ugama Islam ini memang tidak memadai. Kerana selaku di bawah Jabatan Perdana Menteri, Majlis Hal Ehwal Ugama Islam yang tertakluk di bawah peruntukan ini adalah sebagai urusetia kepada semua Jabatan-jabatan Ugama Islam Negeri. Jadi oleh kerana peranan Majlis Hal Ehwal Ugama Islam ini yang juga peruntukannya terlalu terhad kepada \$2.8 juta sahaja, saya fikir sudah tidak sesuai lagi dan saya harap pihak Perdana Menteri akan dapat memberikan perhatian supaya ditambah lagi, kerana hari ini kita terpaksa menambah pegawai-pegawai dan hari ini boleh dikatakan ianya tertumpu kepada Pusat iaitu Kuala Lumpur sahaja, dan pihak Pusat memandang bahawa di tiap-tiap negeri

itu sudah ada Jabatan-jabatan Ugama yang ditadbirkan oleh pihak negeri itu sendiri. Tetapi oleh kerana pentadbiran Ugama Islam di peringkat Persekutuan adalah juga terpaksa mengawasi Jabatan-jabatan Ugama Negeri maka di sini saya mencadangkan supaya Pusat atau Pentadbiran Ugama Islam terutama sekali Pusat Penyelidikan Ugama Islam dan juga INDAH—Institusi Dakwah diperluaskan lagi bukan sahaja ditumpukan di bandar Kuala Lumpur atau di Wilayah Persekutuan tetapi juga diluaskan lagi kegiatannya ke negeri-negeri walaupun negeri-negeri itu sudah ada Jabatan Ugama Islamnya sendiri tetapi sebagaimana yang kita tahu, maklumlah di negeri-negeri itu selalunya kita dapati peruntukan-peruntukannya adalah terhad, jadi pihak negeri-negeri terganggu oleh sebab kurangnya peruntukan di negeri-negeri dan dengan kerana itu ia tidak dapat melicinkan pentadbiran ugamanya masing-masing. Jadi sudah sampailah masanya pihak Kuala Lumpur, Bahagian Pentadbiran Ugama Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri menubuhkan Pusat-pusat seperti itu di tiap-tiap negeri.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada P. 8, muka surat 69, Butiran 4 di bawah tajuk Pemberian kepada negeri-negeri untuk Jalan di Luar Bandar

Tuan Pengerusi, wang peruntukan yang diperuntukkan sebanyak \$305 juta ini, saya kurang faham sama ada wang \$305 juta ini akan dibelanjakan bagi pemberian kepada negeri-negeri untuk jalan di luar bandar untuk tahun 1981 sahaja atau pun untuk Rancangan Malaysia Yang Keempat keseluruhannya. Kalaulah wang yang sebanyak \$305 juta ini dijadikan peruntukan bagi Rancangan Malaysia. Yang Keempat selama 4 atau 5 tahun, sudah tentu wang yang begini tidak cukup. Tetapi kalau wang peruntukan ini dikhaskan bagi tahun 1981, saya percaya kalau tidak cukup pun, ianya menasabah.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan, selama 23 tahun kita telah Merdeka, jalan-jalan di luar bandar daripada mula kita Merdeka sampai hari ini apabila rakyat di luar bandar memohon bantuan jalan tanah merah, kita beri tanah merah. Jadi tanah merah, batu merah ini sudah berjalan 23 tahun. Sudah 23 tahun kita Merdeka, rakyat masih lagi jalan di atas tanah merah dan di batu merah, hanya segelintir kecil sahaja rakyat kita yang duduk di bandar-bandar merasa jalan tar;

kebanyakan penduduk di luar bandar masih jalan di atas tanah merah dan batu merah. Jadi saya mencadangkan pihak Kerajaan mengadakan peruntukan ini mulai daripada tahun 1981 kepada jalan-jalan di luar bandar, jangan lagi terhad kepada batu merah dan tanah merah sahaja.

Saya mencadangkan dalam Dewan ini supaya jalan-jalan luar bandar itu hendaklah ditarkkan mulai 1981 - sudah cukup 23 tahun mereka jalan di atas tanah merah. Jadi saya percaya kalau \$305 juta ini diperuntukan bagi tahun 1981 sahaja, saya yakin banyaklah jalan-jalan di luar bandar nanti akan dapat ditar tetapi kalau untuk 5 tahun, saya bimbang, dengan sebab itu, saya minta perhatian Jabatan yang berkenaan atau Kementerian yang berkenaan, kalau boleh wang sejumlah \$305 juta ini hendaklah diperuntukkan bagi tahun 1981 sahaja dan mengetar seberapa banyak jalan-jalan kampung yang ada sekarang ini. Tidak usahlah kita beri tanah merah lagi.

Tuan Pengerusi, dalam soal ini selalunya berbangkit masalah penentuan. Yang saya maksudkan penentuan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat atau Wakil-wakil Rakyat di dalam Majlis Tindakan Daerah yang selalu mendatangkan persoalan berkenaan dengan hendak menentukan iaitu saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan memberi kuasa yang lebih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat (saya maksudkan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional) sebab di dalam Majlis Tindakan Daerah, bila kita minta sesuatu jalan itu ditarkkan atau sesuatu jalan itu diup-gradekan pada Kelas B, C, A dan sebagainya, selalu pertentangan pendapat di antara Pengerusi sendiri sebagai Pegawai Daerah (D.O.) di tempat itu dengan pihak JKR dan Wakil-wakil Rakyat yang hadir di dalam Majlis-majlis Tindakan Daerah. JKR mempunyai satu sistem atau apa yang dinamakan keutamaan. Mereka akan memberi keutamaan kepada jalan-jalan yang mereka fikirkan patut tetapi di sini saya cadangkan berilah kuasa itu kepada Wakil Rakyat kerana boleh dikatakan Wakil Rakyat adalah terlibat secara langsung berkenaan dengan pembangunan di daerah itu lebih-lebih lagi berkenaan dengan jalan. Apa ertinya kita menjadi wakil kepada mereka kalau suara kita tidak diutamakan. Jadi saya harap dengan peruntukan yang ada ini bolehlah pihak-pihak yang berkenaan supaya

memberikan suara yang lebih di dalam menentukan nanti di mana jalan-jalan yang patut ditar, jalan yang patut dinaikkan tarafnya, berilah keistimewaan sedikit kepada suara-suara yang didatangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara saya ingin sentuh di sini ialah Maksud P. 8, Butiran 13, muka 70 di bawah tajuk Penempatan Semula Mangsa-mangsa Banjir dan peruntukan yang dipohon di sini ialah \$167,000 sahaja. Oleh kerana negara kita ini terdedah kepada keadaan kejadian alam semula jadi disebabkan hujan lebat selalu berlaku banjir dan mendatangkan banyak pula kawasan di daerah yang terlibat dengan banjir ini, jadi saya harap peruntukan \$167,000 ini memang tidaklah memadai.

Tuan Pengerusi, apabila sesuatu kawasan itu dilanda banjir maka akan terlibatlah penduduk-penduduk di kawasan itu dengan pemindahan dan mereka ini mahu atau tidak mahu terpaksa berpindah oleh kerana Jawatankuasa Banjir di daerah itu telah diberi kuasa untuk memindahkan penduduk-penduduk apabila berlaku banjir. Apabila penduduk di kawasan itu dipindahkan maka segala harta benda mangsa-mangsa banjir tadi tidak dapat dibawa ke tempat pemulihan atau tempat sementara disebabkan keadaan pada masa itu mereka akan bawa apa sahaja yang ringan yang boleh mereka bawa dan biasanya apabila mangsa-mangsa banjir ini balik semula ke tempatnya yang asal, mereka akan dapat boleh dikatakan segala ternakan ayamnya, kambingnya sudah habis mati atau hanyut dan kadang-kadang juga rumahnya ada yang dihanyut oleh air.

Saya mencadangkan mangsa-mangsa banjir ini diberi penempatan semula dan oleh sebab peruntukan sebanyak \$167,000 ini tidak mencukupi saya mencadangkan supaya ditambah peruntukan ini dan kalau boleh pada masa-masa yang akan datang mereka yang terlibat dengan banjir ini kalau pun kita tidak dapat memberi mereka bantuan sepenuhnya tetapi sekurang-kurangnya kita dapat meringankan beban yang mereka pikul. Kita sekarang adalah dalam November dan biasanya dalam bulan Disember banyaklah negeri-negeri yang terlibat dengan banjir. Bulan yang lalu pun sudah ada negeri-negeri yang terlibat dengan banjir. Dengan sebab

itu, Tuan Pengerusi, eloklah perkara ini diambil perhatian yang agak berat oleh pihak Kerajaan.

Oleh kerana saya percaya banyak lagi saudara saya hendak berucap, jadi sekian sahajalah yang dapat saya sebutkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.05 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, yang pertama saya suka berucap atas Maksud Bekalan B. 8, mukasurat 53, Butiran 1100, Program (4) Keselamatan Negara. Atas perkara keselamatan negara, saya ingin menyentuh satu masalah yang saya anggap penting dan tentulah mengancam keselamatan negara iaitu berkenaan dengan masalah dadah.

Tanpa diragukan bahawa masalah dadah adalah satu masalah yang serius dihadapi oleh masyarakat kita dan kenyataan ini telah diakui sendiri oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan secara terbuka seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalannya dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menggambarkan dadah sebagai musuh negara nombor satu. Ketua Polis negara pernah menyatakan bahawa lebih kurang 50% kejadian jenayah di Malaysia melibatkan penagih-penagih dadah. Bagaimanapun, saya terpaksa menyatakan di sini walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata bahawa dadah adalah musuh negara nombor satu tetapi kita masih belum melihat tindakan-tindakan yang cukup di pihak Kerajaan untuk menjadikan perkara ini dalam perhatian yang utamanya sejajar dengan keperluan masalah itu. Pada masa ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri termasuk Polis sedang diberi tanggungjawab untuk mengatasi ataupun memerangi masalah dadah di negara ini. Saya merasa usaha-usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri itu tidak mencukupi untuk memerangi apa yang telah digambarkan sebagai satu masalah nasional yang serius dan musuh negara nombor satu. Apa yang perlu ialah satu usaha penuh negara untuk mengatasi masalah ini dan dalam hubungan ini saya ingin mencadangkan bahawa oleh kerana masalah dadah adalah mengancam keselamatan negara maka hendaklah ditubuhkan

satu unit khas di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi menyelaraskan semua usaha-usaha untuk memerangi masalah dadah. Unit ini boleh juga ditugaskan mengkaji semula undang-undang anti dadah yang ada di negara ini dan meneliti untuk memperkenalkan Undang-undang yang lebih berkesan lagi bagi mengatasi masalah ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Maksud B. 8 juga muka 54 berkenaan dengan Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara. Saya ingin bercakap atas perkara pentadbiran dan penyelidikan yang ada berkaitan dengan perpaduan negara.

Mengenai perkara perpaduan negara saya suka secara serius menggesa pihak Kerajaan mengkaji semula usaha-usaha selama ini untuk mencapai objektif yang mustahak iaitu berkenaan dengan perpaduan negara. Pada pandangan saya pencapaian perpaduan negara adalah satu keperluan asas yang utama untuk berjaya mencapai matlamat-matlamat dan cita-cita negara sebagai yang digariskan dalam rancangan pembangunan negara kita. Tanpa perpaduan negara bagaimana mantapnya objektif-objektif ekonominya sekali pun negara masih tidak akan kuat dan terjamin. Saya terpaksa menyatakan di sini meski pun pertanyaannya bahawa kita ada mempunyai satu Lembaga Perpaduan Negara dan pengujutan rancangan perhubungan masyarakat, kita masih jauh dari mencapai perpaduan negara. Saya mesti menyatakan di sini bahawa setakat menubuhkan satu Lembaga Perpaduan Negara dan pembentukan rancangan perhubungan masyarakat sahaja ianya tidak dapat membantu dalam perkara mencapai perpaduan negara. Untuk menyatupadukan rakyat di negara ini ianya memerlukan sesuatu yang lebih besar dari sebuah Lembaga Perpaduan Negara. Apa yang diperlukan ialah satu kebulatan usaha dan dalam cara mana Kerajaan berupaya menyedarkan dan meyakinkan rakyat melalui dasar politik, ekonomi, pelajaran, kebudayaan dan sosial yang mana mereka mempunyai hak yang sama di negara ini dan tiada merasakan kehilangan sesuatu dan rasa tidak terjamin di negara ini.

Tuan Pengerusi, dalam jawapan kepada soalan tambahan yang dikemukakan oleh saya semasa sidang Parlimen sekarang, Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri berkata bahawa Lembaga Perpaduan Negara tidak akan dihapuskan oleh kerana

ia telah membuat pencapaian dan mewujudkan perpaduan nasional. Menurut beliau kenyataan bahawa keamanan dan keselamatan hari ini jelas menunjukkan bahawa Lembaga Perpaduan Negara telah berjaya dalam tujuan dan objektifnya. Pendapat Menteri itu tidak dapat diterima sepenuhnya. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga bersetuju dengan kenyataan ini. Jika apa yang Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu berkata adalah benar saya tidak mengerti kenapa kita menambah peruntukan setiap tahun untuk Polis dan untuk Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi, apa yang saya ketahui bahawa Lembaga Perpaduan Negara tidak berkesan sepenuhnya dalam mewujudkan perpaduan nasional. Perpaduan nasional tidak boleh dicapai dengan hanya memiliki satu Lembaga Perpaduan Negara dengan mengandungi berbagai rancangan yang digariskan. Bagi mencapai objektif itu apa yang perlu dibuat ialah mencari sebab-sebab yang menghindar atau menghalang perpaduan negara dan apa yang mesti dibuat bagi mengatasi sebab-sebab itu. Satu cara yang berkesan ialah Kerajaan mengusahakan satu kajian penuh ke atas dasar pembinaan negara ini dan menilai kenapa dasar-dasarnya sehingga sekarang tidak berjaya mewujudkan satu negara Malaysia yang benar-benar bersatu padu. Kerajaan mestilah bersemangat penuh mengenali kelemahan-kelemahannya dalam usaha membina sebuah negara yang bersatu padu.

Pada pandangan saya satu cara mewujudkan perpaduan negara ialah dengan memastikan bahawa semua warganegara Malaysia, tidak kira keturunan asal mereka diberikan peluang-peluang yang sama di negara ini menurut hak-hak yang sah dalam Perlembagaan. Saya juga menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri demi kepentingan perpaduan negara supaya menghentikan semua bentuk permintaan kaum yang ekstrimis dalam bidang ekonomi, pelajaran, kebudayaan oleh kerana ini semua akan merosakkan satu masyarakat pelbagai kaum seperti di negara kita.

Saya ingin mengulangi gesaan saya supaya ditubuhkan satu institut perhubungan kaum di negara ini bagi tujuan untuk membuat kajian, penyelidikan yang serius dan mendalam mengenai masalah-masalah perkauman yang

merosakkan negara kita dan mengusahakan pendekatan-pendekatan dan cara-cara membina bagi mengatasi masalah-masalah ini.

Sekarang, Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada muka surat 53, Aktiviti (3) Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan. Mengenai perkara pelaksanaan dan penyelarasan, saya ingin menyentuh tentang peri pentingnya diwujudkan satu sistem maklum-balas yang berkesan ke atas semua projek Kerajaan bagi membolehkan pengawasan atau pengesanan awalan dilakukan ke atas projek-projek yang tidak berapa maju atau berjalan dengan licin. Sistem ini bertujuan untuk memberi amaran yang awal supaya langkah-langkah boleh diambil pada masanya bagi mengelakkan projek-projek tersebut daripada gagal dan dengan itu menolong menyelamatkan wang rakyat daripada membazir.

Pada akhir tahun lepas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata bahawa Kerajaan akan mewujudkan satu sistem amaran awalan untuk memberi tindakan-tindakan awalan ke atas projek-projek Kerajaan yang tidak berjalan lancar. Beliau berkata bahawa Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan di Jabatan Perdana Menteri yang bertugas mengendalikan sistem maklum-balas yang baru ini, sehingga sekarang kita belum mendengar apakah kemajuan yang telah dibuat, telah dicapai dalam mengendalikan sistem amaran awalan ini dan sama ada sistem ini amat berkesan dalam tindakannya. Saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat memberi penjelasan yang lebih lanjut atas perkara ini.

Saya juga ingin mengambil peluang di sini menyeru Kerajaan memperkuat semua agensi dan badan-badan berkanun berhubung pelaksanaan projek-projek Kerajaan bagi memastikan bahawa agensi-agensi ini dan badan-badan berkanun tidak akan terlibat dengan apa juga bentuk salah amalan. Jika didapati bahawa apa-apa agensi atau badan berkanun tidak berfungsi dengan baik menurut objektif-objektifnya, sesuatu langkah mestilah diambil kemudiannya, sama ada membubarkannya ataupun mengadakan tindakan-tindakan yang betul untuk memperbaikinya. Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan di Jabatan Perdana Menteri mempunyai satu peranan yang penting dalam memastikan bahawa semua projek-projek

Kerajaan berjaya dilaksanakan. Tugas ini akan menjadi lebih berkesan dengan pengemukaan Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Pengerusi, mengenai yunit ini, saya ingin bercakap tentang tanggungjawab moral Kerajaan kepada rakyat yang dikesan melalui pembangunan. Kerajaan hendaklah menganggapnya sebagai satu tanggungjawab moral bagi mengendalikan kebajikan mangsa-mangsa projek pembangunan yang diluluskan oleh Kerajaan bagi memastikan bahawa pembangunan tidak kendalikan dengan mengorbankan kebajikan am rakyat yang mengakibatkan ketidakadilan sosial. Saya terpaksa menegaskan bahawa pembangunan tidak mungkin berlaku dengan mengorbankan keadilan sosial. Meskipun Kerajaan tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun dengan projek-projek pembangunan swasta adalah menjadi tanggungjawab untuk memastikan bahawa kebajikan umum dan kesejahteraan rakyat diambil perhatian dan bahawa jika ia meluluskan apa-apa projek ianya mestilah memastikan bahawa rakyat yang menerima akibat daripada projek-projek itu diberikan tempat penginapan yang baik atau pampasan yang cukup.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang saya ingin menyentuh ialah mengenai Maksud B. 8, muka surat 54 mengenai Unit Perancang Tenaga Manusia dan Pemodenan Pentadbiran Malaysia. Atas perkara ini saya ingin bercakap tentang keperluan pemulihan pentadbiran bagi meningkatkan mutu kecekapan dan daya pengeluaran di semua Jabatan dan Kementerian. Ketua Pengarah MAMPU dilaporkan sebagai berkata pada baru-baru ini bahawa kakitangan Kerajaan akan ditimbang dengan kenaikan pangkat di bawah satu sistem yang akan diperkenalkan sekarang. Beliau ada berkata bahawa mereka akan juga berhak kepada dua kenaikan jika mereka dipilih sebagai pekerja terbaik sebanyak tiga kali. Menurutnya sistem itu dirancang bagi menggalakkan 500,000 kakitangan awam untuk menjamin mutu dalam perkhidmatan mereka. Di samping kita mengalu-alukan sistem galakan untuk kakitangan awam yang ada bekerja kuat dan cekap, tetapi jangan lupa bahawa improvement ataupun kebaikan perkhidmatan awam kita tidak boleh dibuat dengan sekelip mata sahaja. Apa yang diperlukan ialah penglibatan penuh Kerajaan bagi memperbaiki perkhidmatan awam.

Dalam hubungan ini saya ingin mencadangkan bahawa langkah-langkah lanjut termasuk pengenalan pemulihan pentadbiran hendaklah ditimbang bagi meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran semua Kementerian dan Jabatan. Satu cara membaiki kecekapan perkhidmatan awam yang pada masa sekarang sedang dibincangkan ialah latihan pengkhususan kerja untuk pegawai-pegawai dalam perkhidmatan pentadbiran. Kerajaan hendaklah merancang skim latihan pengkhususan kerja untuk pelaksanaan secepat mungkin untuk semua peringkat perkhidmatan awam.

Masanya telah sampai supaya tindakan-tindakan positif diambil bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam kita bagi memastikan bahawa ianya melahirkan satu imej yang baik kepada orang ramai, satu imej yang mana perkhidmatan awam kita ditujukan khusus berkhidmat kepada rakyat dan negara. Pembaikan dan pemodenan perkhidmatan awam kita adalah lebih penting memandangkan banyak projek-projek yang menunggu pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Sekarang saya suka menyentuh satu perkara yang lain mengenai Biro Pengaduan Awam di muka surat 53.

Tuan Pengerusi, menyedari peranan Biro Pengaduan Awam dalam menyelesaikan dan mengatasi pengaduan-pengaduan awam yang dirujuk kepadanya, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kenapa laporan tahunan Biro tidak diedarkan kepada semua Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang telah dipilih sebagai penerima pengaduan-pengaduan awam.

Tuan Pengerusi, saya tidak nampak apa-apa sebab kenapa laporan tahunan tidak boleh disediakan kepada semua Wakil Rakyat supaya mereka dimaklumkan tentang kegiatan-kegiatan Biro itu, terutamanya saya gagal memahami kenapa sebagai penerima dan penyampai pengaduan rakyat kepada Biro mereka tidak boleh dimaklumkan tentang kemajuan atau tentang keputusan pengaduan yang mereka telah sampaikan kepada Biro itu.

Keengganan Biro Pengaduan Awam menyediakan laporan-laporan Biro untuk tinjauan semua Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri telah menimbulkan keraguan di fikiran saya sama ada

Biro Pengaduan Awam benar-benar berkesan dalam mengendalikan semua jenis pengaduan orang ramai berhubung salah pentadbiran atau pentadbiran yang tidak adil.

Satu perkara yang saya suka menyentuh di sini ialah saya suka kembali kepada muka surat 54 berkenaan dengan Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara. Program 7 (d) Urusetia Rukun Tetangga di mana peruntukan \$2.1 juta telah diminta untuk Urusetia Rukun Tetangga.

Tuan Pengerusi, tadi Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kuala Kedah pun ada menyebut tentang Rukun Tetangga.

Tuan Pengerusi, tidak dapat dinafikan bahawa Rukun Tetangga telah dapat memainkan satu peranan yang mustahak untuk mengurangkan kejadian-kejadian kecurian, kejadian-kejadian jenayah di masyarakat negara kita. Akan tetapi tidak dapat dinafikan juga bahawa pada hari ini Urusetia Rukun Tetangga ada menghadapi banyak masalah yang lain. Masalah ini seperti kekurangan peruntukan dan saya rasa bahawa lebih kurang \$2 juta ini adalah tidak cukup.

Selain daripada ini, Rukun Tetangga pun ada menghadapi masalah mengenai kekurangan minat di antara anggota-anggota Rukun Tetangga, kekurangan keselamatan yang dirasakan oleh anggota-anggota Rukun Tetangga dan salah satu contoh ialah berkenaan dengan apa yang telah berlaku baru-baru ini di kawasan saya iaitu Sektor Rukun Tetangga di Jalan San Peng di mana satu serangan telah dibuat oleh anasir-anasir jahat terhadap anggota-anggota Rukun Tetangga itu.

Berkenaan dengan hal ini saya rasa bahawa masanya telah tiba bagi pihak Kerajaan untuk menyusun semula Rukun Tetangga dengan tujuan untuk mencari cara-cara yang lebih wajar untuk menghidupkan minat, menghidupkan semangat di antara anggota-anggota Rukun Tetangga dan begitu juga cara-cara hendaklah diambil untuk menjamin keselamatan di kalangan anggota-anggota Rukun Tetangga dan saya rasa bahawa salah satu cara yang boleh dibuat ialah supaya melengkapkan anggota-anggota Rukun Tetangga khasnya ketua-ketua Rukun Tetangga di tiap-tiap sektor dilengkapkan dengan senjata—kalau ini boleh untuk menjamin keselamatan mereka. Sekiranya pihak Jabatan Perdana Menteri tidak dapat mengambil langkah yang wajar untuk

menyusun semula Rukun Tetangga, saya rasa adalah lebih elok supaya Rukun Tetangga ini dimansuhkan.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada Maksud B. 4, muka surat 38, Aktiviti (2) mengenai Pendaftaran Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih.

Mengenai perkara pendaftaran tahunan pemilih-pemilih dan kajian semula daftar pemilih, saya ingin menyentuh tentang sistem Pendaftaran Pemilih Berpadu (Integrated Registration System) yang telah diperkenalkan pada tahun ini dengan tujuan sebagaimana yang digambarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya bagi mendapatkan pemilih-pemilih jenerasi baru mendaftar. Berikutnya sistem baru telah dilancarkan daripada 25hb Ogos, 1980 hingga 5hb Oktober, 1980 berjumlah 42 hari. Dengan Sistem Pendaftaran Pemilih Berpadu ini Unit-unit Bergerak ada dibentuk untuk bergerak dari rumah ke rumah dan di pejabat bagi mendaftar pemilih sebagai tambahan kepada sistem statik pendaftaran pemilih yang ada sekarang.

Pada masa yang lepas saya telah menyuarakan di dalam Dewan ini bahawa sistem statik pendaftaran pemilih atau pendaftaran di pusat-pusat pendaftaran statik seperti di pondok Rukun Tetangga atau di Balai Rakyat telah terbukti kurang berkesan oleh kerana terdapat banyak kelemahan.

Pada masa yang lepas ramai pemilih yang layak untuk didaftar sebagai pemilih telah gagal mendaftar nama mereka kerana kekurangan publisiti diberikan di pusat-pusat pendaftaran yang dicadangkan bahkan jika mereka pergi ke pusat-pusat pendaftaran mereka mendapati bahawa di pusat-pusat itu tidak ada kakitangan pendaftaran mengikut jadual waktu dan pada masa yang lepas saya sendiri pun telah menyampaikan butir-butir itu kepada pihak yang berkenaan untuk menyiasat tentang apa yang saya sebutkan sekarang ini.

Suruhanjaya Pilihanraya berkata bahawa dengan memperkenalkan sistem Pendaftaran Pemilih Berpadu Baru, mereka mengharapkan bahawa lebih ramai pemilih yang layak akan dapat didaftarkan tetapi daripada maklumat yang saya terima daripada orang ramai sistem baru ini terbukti kurang berkesan. Ramai pemilih-pemilih yang layak yang mendiami kawasan-kawasan perumahan di Wilayah Persekutuan mengadu kepada saya bahawa mereka tidak pernah ternampak

anggota-anggota Unit Bergerak menjalankan tugas dari rumah ke rumah untuk kerja-kerja pendaftaran. Ramai yang menunggu-nunggu Unit Bergerak ini datang ke rumah mereka akan tetapi dengan kesalnya mereka tidak dapat menengok anggota-anggota itu. Yang akhirnya apabila mereka mengambil satu keputusan untuk pergi ke pusat-pusat statik untuk mendaftarkan nama mereka, mereka tidak ada maklumat yang cukup di mana pusat-pusat itu ditempatkan.

Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya dilaporkan dalam surat khabar sebagai berkata: Bahawa dengan sistem baru ini telah berjaya mendaftarkan lebih daripada 500,000 pemilih yang layak. Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan di sini bahawa tiada apa yang perlu dibanggakan sekadar berkemampuan mendaftar lebih daripada setengah juta pemilih-pemilih yang dikatakan oleh Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya. Jika sistem pendaftaran pemilih berpadu dibuat dengan lebih berkesan dan memastikan bahawa unit-unit bergerak boleh bergerak dalam semua kawasan-kawasan yang padat dengan penduduk, saya yakin bahawa Suruhanjaya Pilihanraya boleh mendaftarkan lebih ramai pemilih dan boleh dengan senangnya mencapai angka satu juta dan bukan setengah juta seperti yang telah disebutkan oleh Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya.

Saya pada masa yang lepas telah membuat beberapa cadangan di Dewan ini bagaimana untuk memperbaiki keseluruhan sistem pendaftaran dengan tujuan untuk menjamin jumlah maksima pemilih-pemilih yang layak itu terdaftar. Saya menegaskan di sini sekali lagi bahawa dasar panduan kerja-kerja pendaftaran pemilih-pemilih mestilah memastikan bahawa setiap pemilih yang layak didaftarkan dalam daftar pemilih supaya mereka boleh mengambil bahagian dalam pilihanraya untuk menggalakkan tidak sahaja proses demokrasi berparlimen tetapi juga dalam menentukan masa depan negara. **Adalah menjadi pandangan saya bahawa setiap kerja sistem pendaftaran pemilih itu akan bergantung sepenuhnya kepada publisiti yang meluas. Dengan pandangan ini, saya ingin mencadangkan sekali lagi bahawa Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah menerbitkan risalah-risalah tentang kempen pendaftaran pemilih dalam berbagai bahasa serta melalui media-massa yang lain untuk sebaran kepada orang ramai dan memberitahu mereka di mana dan bagaimana hendak mendaftar.**

Dalam kerja-kerja pendaftaran pemilih baru-baru ini hal ini tidak dilaksanakan. Selain daripada maklumat atau pengumuman melalui radio dan televisyen tidak terdapat usaha-usaha menerbitkan apa juga poster-poster mengenai kempen pendaftaran pemilih di tempat awam. Adalah mendukacitakan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya gagal mewujudkan satu sistem pendaftaran pemilih yang lebih berkesan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat ada satu minit lagi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Ya. Dan sekiranya lebih banyak wang hendak digunakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya maka saya suka mencadangkan bahawa jumlah yang telah diperuntukkan hendaklah ditambahkan lagi supaya dapat membolehkan Suruhanjaya Pilihanraya untuk mencari cara yang lebih wajar, yang lebih sesuai dan juga menerbitkan lebih banyak poster-poster, lebih banyak risalah-risalah supaya dapat mencapai tujuan publisiti yang luas untuk memberitahu orang ramai tentang bagaimana mereka boleh didaftarkan sebagai pemilih. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

5.33 ptg.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani):** Tuan Pengerusi, saya turut menyokong anggaran peruntukan Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh berkenaan Maksud B. 1—Parlimen, Butiran 1100—Gaji dan Upahan, Aktiviti (1) dan (2) iaitu Pentadbiran Am dan Mengurus dan Mentadbirkan hal-hal berkaitan dengan Persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Tuan Pengerusi, kita bersyukur kerana Kerajaan telah menambahkan peruntukan Belanja Mengurus bagi Parlimen telah meningkat kepada \$13,502,300 berbanding dengan tahun lalu peruntukan yang diberi ialah \$8,219,400. Memandangkan pertambahan peruntukan yang begitu besar sebanyak \$5.2 juta atau lebih kurang 62%, maka sudah sewajarnya Perkhidmatan Parlimen dipertingkatkan lebih licin dan memuaskan lagi.

Walau bagaimanapun, memandangkan bahawa Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 telah wujud begitu lama, maka sudah sampai

masanya Akta tersebut dikaji semua untuk melahirkan suatu pentadbiran dan perkhidmatan yang benar-benar dedikasi dan berfungsi dengan lebih licin dan memuaskan.

Saya berpendapat sudah sampai masanya pihak Kerajaan mengadakan penyusunan semula yakni re-organisasi atau re-orientasi terhadap Perkhidmatan Parlimen secara menyeluruh. Dengan adanya re-organisasi secara menyeluruh tentulah akan dapat memperkembang dan memperluaskan bidang-bidang tertentu Perkhidmatan Parlimen untuk kemudahan-kemudahan Ahli-ahli Parlimen dan juga menambahkan kebajikan kakitangan Jabatan ini.

Keperluan re-organisasi ini memang tidak dapat dinafikan lagi perlunya, oleh kerana keadaan proses penambahan dan perubahan masa dan kemajuan Parlimen yang begitu jauh bezanya jika dibandingkan dengan keanggotaan Ahli-ahli Parlimen dalam tahun 1963 dahulu.

Saya mencadangkan untuk mengadakan re-organisasi tersebut, pihak MAMPU perlu dipanggil untuk mengadakan kajian dan syorsyor untuk dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menghadapi keperluan-keperluan kemajuan dan proses perubahan masa untuk jangka pendek dan juga untuk jangka panjang sekurang-kurangnya sehingga tahun 2000.

Selain dari itu, Tuan Pengerusi, saya juga suka mengesyorkan bahawa bagi menambahkan kesempurnaan dan kecekapan yang lebih tinggi lagi bagi pentadbiran dan Perkhidmatan Parlimen, sudah sampai masanya pula pihak Kerajaan mengadakan pemisahan antara pentadbiran Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Setakat ini Setiausaha Dewan Negara tidak mempunyai kakitangan yang cukup atau boleh dikatakan langsung tidak mempunyai kakitangannya sendiri. Dengan pemisahan pentadbiran tersebut, kedua-dua pentadbiran akan dapat bersaing secara sihat untuk menunjukkan kebolehan masing-masing secara penuh dedikasi dan memuaskan.

Tuan Pengerusi, menyentuh B. 1, Butiran 2100—Pengangkutan dan Perjalanan Orang Aktiviti (1) Pentadbiran Am.

Saya ingin mencadangkan supaya pihak Kerajaan memberikan peluang-peluang mengadakan lawatan ke luar negeri dengan lebih banyak kepada Ahli-ahli Parlimen. Peluang-peluang lawatan yang diadakan selama ini patut ditambahkan lagi baik dari segi

bilangan peserta-pesertanya dan juga tempat-tempat yang dilawati. Peluang-peluang yang demikian bukan sahaja akan menambahkan pengetahuan dan kematangan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini tetapi juga akan mendatangkan faedah-faedah yang besar kepada negara.

Tuan Pengerusi, di bawah B. 1—Butiran 2600—Perkhidmatan Percetakan.

Saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan mini printing iaitu lebih sesuai bagi menggantikan bahagian percetakan yang wujud sekarang yang mana bahagian tersebut adalah terlalu kecil untuk menampung kerja-kerja tersebut adalah tidak begitu memuaskan kerana percetakan yang semakin bertambah. Jabatan ini tidaklah sepatutnya mengharapkan Jabatan Percetakan Negara terus-menerus tanpa memikirkan untuk mengatasi masalah kelewatan-kelewatan dalam pengeluaran bahan-bahan cetakan yang tertentu yang menjadi tatapan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Selain dari itu, saya juga suka menyentuh mengenai elau honorarium bagi kakitangan Parlimen, patutlah dibayar semula kepada mereka. Pembayaran honorarium tersebut adalah bererti memanjangkan amal jariah yang telah dibuat oleh Allahyarham Tun Abdul Razak iaitu Perdana Menteri kita yang telah bermurah hati meluluskan honorarium tersebut.

Tuan Pengerusi, di bawah Kepala B. 2—Majlis Raja-raja. Baru-baru ini ada cadangan untuk membenarkan semua negeri-negeri di Malaysia di arah melihat anak bulan Ramadan dan Syawal dan sesiapa yang melihatnya bolehlah melaporkan kepada Jawatankuasa Pusat untuk diumumkan dan saya harap perkara ini dapat dipertimbangkan di tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, menyentuh mengenai B. 8, Butiran 1100 Aktiviti (5) Pentadbiran Ugama Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri, maka sukacita saya mengesyorkan supaya dapatlah kiranya Pusat Penyelidikan Islam yang ada sekarang dilengkapi dengan alat-alat komputer yang moden bagi menyimpan rekod-rekod Hadis dan juga maksud-maksud atau tajuk-tajuk Ayat Suci Al-Quran. Dengan adanya penyimpanan rekod dengan secara komputer itu, akan memudahkan kerja-kerja Pusat Penyelidikan

tersebut bagi menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan penyelidikan ilmu-ilmu pengetahuan Islam dengan lebih luas lagi.

Tuan Pengerusi, menyentuh Butiran yang sama di bawah Aktiviti (6) Pengurusan Bangunan Kerajaan, sukacita saya mengesyorkan supaya pihak Kerajaan mengadakan suatu perancangan dan penyenggaraan yang lengkap bagi mengatasi masalah membaiki rumah-rumah Kerajaan yang dibina begitu lama. Pihak berkenaan patutlah mengadakan satu Pasukan Khas yang lengkap untuk menjalankan kerja-kerja membaiki dan menyenggara rumah-rumah Kerajaan tersebut. Dengan adanya Pasukan Khas tersebut akan dapatlah mengatasi masalah kesulitan yang dihadapi oleh kakitangan Kerajaan seperti kebersihan kawasan, keselamatan dan keamanan rumah-rumah yang mereka duduki itu.

Tuan Pengerusi, di bawah kepala B. 10—Jabatan Kehakiman. Saya harap bangunan-bangunan mahkamah yang sudah tidak sesuai lagi ataupun yang sudah buruk di merata-rata tempat di negeri kita ini d'baiki. Saya contohkan seperti bangunan mahkamah yang ada di Sungai Petani adalah satu bangunan yang telah lama dan juga buruk, keadaan-keadaan tempat duduk pun tidaklah begitu memuaskan, cuma bangku-bangku diletakkan begitu sahaja. Jadi patutlah pihak Kerajaan membaiki ataupun menggantikan kepada bangunan-bangunan yang sesuai dengan keadaan Malaysia hari ini.

Tuan Pengerusi, setakat inilah sahaja dan saya menyokong peruntukan Jabatan Perdana Menteri iaitu Parlimen dan juga selainnya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

5.44 ptg.

**Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi (Sabak Bernam):** Tuan Pengerusi, izinkan saya bercakap di muka surat 38 iaitu Suruhanjaya Pilihanraya, Maksud B. 4, Butiran 1100, Aktiviti (2) Pendaftaran Pemilih dan Penyelesaian Daftar-daftar Pemilih.

Tujuan Aktiviti ini ialah supaya seseorang pemilih tidak mendaftar lebih dari sekali dan juga bertanggungjawab menentukan kesesuaian tempat-tempat mereka membuang undi dari semasa ke semasa. Perkara di atas

sebenarnya telah berjalan dengan lancar dari setahun ke setahun tetapi bagaimanapun masih d'apati sebab-sebab yang tidak dapat disengajakan masih banyak yang nama-nama mereka yang tercatat dua kali di tempat-tempat mengundi yang berlainan. Begitu juga masih banyak pengundi-pengundi yang membuang undi yang berjauhan padahal ada tempat membuang undi yang berhampiran dengan rumah masing-masing. Ada pula pengundi-pengundi yang hilang namanya dari Daftar Pengundi dan ada pula pengundi-pengundi yang bersusah payah pergi dari satu tempat membuang undi ke satu tempat membuang undi baru berjumpa namanya dalam buku Daftar Pengundi. Memanglah ada di antara mereka yang tidak mematuhi arahan-arahan pendaftaran seperti menukarkan nama, alamat dan lain-lain tetapi orang yang tidak patuh kepada aturan kita tidak perlu hiraukan tetapi yang patuh kepada aturan terpaksalah kita mesti timbangkan.

Saya menaruh keyakinan bahawa pegawai-pegawai dan kakitangan pendaftaran telah bekerja dan berusaha dengan bersungguh-sungguh tetapi kesilapan tentulah tidak dapat dielakkan terutama sebabnya ialah oleh kerana pekerjaan pendaftaran ini hanya pada keseluruhannya dibuat oleh pegawai dan kakitangan sambil di peringkat daerah dan di kampung-kampung. Oleh itu, saya mengesyorkan supaya di tiap-tiap daerah dilantik pegawai atau kakitangan tetap yang bertugas sepenuh masa iaitu selain daripada pegawai-pegawai atau kakitangan atau pekerja-pekerja yang diberi tugas pada masa-masa pendaftaran atau penyemakan nama-nama pengundi tiap-tiap tahun. Pegawai atau kakitangan tetap ini d'tempatkan di Pejabat Daerah yang antara lain tugasnya yang penting ialah menyusun dan mengkaji dan menerima pembetulan alamat, menentukan tempat-tempat membuang undi di tempat yang betul dan juga menerima aduan dari orang ramai setiap hari dan boleh juga menemui ketua-ketua kampung atau ahli-ahli JKKK mengenai pendaftaran pengundi-pengundi dari satu masa ke satu masa kerana buku Daftar Pengundi yang sempurna adalah sangat penting bagi kemudahan rakyat dan juga bagi kelicinan perjalanan demokrasi kita.

Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap mengenai muka surat 47—Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Maksud B. 7, Butiran 1101, Aktiviti (2) Pengambilan.

Saya mengharapkan supaya Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran ini seberapa boleh yang berupaya supaya dapat memilih bagi pengambilan calon-calon guru dari mereka yang betul-betul cenderung dan berbakat untuk jadi seorang guru. Ini ialah supaya bila mereka lulus latihan akan menjadi guru yang baik kerana kita tentunya tidak mahu berterusan ada orang jadi guru kerana mereka tidak dapat pekerjaan yang lain. Ada kalanya mungkin patut diketepikan pemohon yang mempunyai kelulusan yang baik tetapi anggota Suruhanjaya berpendapat mereka tidak layak jadi guru. Ini bukanlah bermakna yang kita suka pula kepada guru yang mempunyai kelayakan yang rendah.

Untuk melaksanakan hal ini adalah satu perkara yang susah tetapi bagaimanapun bolehlah d'atasi kerana kita semua maklum guru yang tidak mempunyai kecenderungan, mempunyai sifat pendidikan tidak akan menghasilkan murid yang sempurna. Oleh kerana itu cara memilih guru ini terpaksalah dijalankan dengan berhati-hati.

Tuan Pengerusi, mengenai Aktiviti (4) Butiran yang sama iaitu Naik Pangkat dan Tatatertib. Saya hendak kemukakan sungutan dan aduan yang saya terima daripada kalangan guru-guru kelulusan STP/HSC. Mereka didapati adalah banyak menanggung kekecewaan. Oleh itu guru-guru kelulusan STP/HSC yakni guru-guru C1 itu patutlah diberi peluang untuk mendapatkan tempat di jawatan Guru Besar Sekolah (A) Rendah dengan tingkatan khas atau Guru Pesar Sekolah Rendah (B) dengan tingkatan biasa atau dengan d'beri jawatan Penolong Penyelia, dan hendaklah diberi peluang mereka itu mencapai tingkatan tertinggi bagi jawatan Guru Besar Sekolah Menengah Rendah (D), Guru Penolong Kanan Sekolah Menengah (C) Guru Penyelia Sekolah Menengah (A) dan (B) dan hendaklah diberi peluang di berbagai-bagai jawatan yang dinikmati oleh rakan-rakan mereka dalam Kategori C2 di semua bidang perkhidmatan di Kementerian Pelajaran.

Jawatan terbuka di kesemua bidang dalam Perkhidmatan Pelajaran hendaklah d'bukakan kepada guru-guru dalam Kategori C1 ini dan tidak hanya diperuntukkan kepada mereka dalam Kategori C2 sahaja iaitu seperti Pensyarah Kanan di Pusat Latihan Guru, Pensyarah di Pusat-pusat Latihan Guru dan Penolong-penolong Pensyarah hendaklah

diberi peluang guru-guru C1 yang berpengalaman melanjutkan pengajian di peringkat ijazah di universiti supaya membolehkan mereka mempunyai bidang-bidang pengkhususan tertentu bagi menambah tinggikan lagi mutu pelajaran di Sekolah Menengah dan Rendah. Jika di dalam keadaan terpaksa guru-guru C1 yang dikehendaki berkhidmat di Sekolah Menengah hendaklah diberi keutamaan bagi menjalani kursus-kursus pengkhususan terlebih dahulu supaya mereka tidak menjadi mangsa guru-guru yang diubah alih mengikut kemahuan-kemahuan Guru Besar di Sekolah Menengah tempat mereka bertugas.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, izinkan saya bercakap muka surat 53, Jabatan Perdana Menteri, Maksud B. 8, Butiran 1100, Aktiviti (5) Pentadbiran Ugama Islam.

Oleh kerana kita semua maklum bahawa ajaran sesat sedang bertambah-tambah dikehui umum dan akibatnya adalah sangat buruk lahir dan batin oleh itu sewailah kiranya Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia menambah program dan aktiviti bersama-sama dengan Kerajaan Negeri menyiasat dan menyelidik setiap ajaran salah di negeri kita dan bertindak untuk mencegahnya. Penyiasatan hendaklah juga diikuti sertakan dari pihak Universiti-universiti dari jurusan Fakulti Islam. Hasil dari tiap-tiap penyiasatan itu hendaklah diterangkan secara terbuka kepada seluruh rakyat dan bolehlah dijadikan buku supaya menjadi bahan bacaan dan pengetahuan serta pangalaman kepada jenerasi kita. Dengan itu rakyat kita tidak akan terpengaruh dengan ajaran-ajaran sesat yang sentiasa diadakan oleh orang-orang yang mencari peluang untuk kepentingan diri.

Pada akhirnya, Tuan Pengerusi, izinkan saya bercakap pada muka surat 69 Jabatan Perdana Menteri, Maksud P. 8, Butiran 5, Pembangunan Masyarakat, pecahan (iii) Kemajuan Sosial dan Institusi.

Pada masa ini Kerajaan sedang membaiki keadaan masyarakat di kampung-kampung terutama kampung-kampung yang mundur. Satu daripada caranya ialah dengan memberi bantuan \$1,000 kepada mereka yang dhaif untuk membaiki atau mengganti rumah-rumah buruk mereka iaitu di bawah Rancangan Pemulihan Kampung. Bantuan tersebut sangatlah dihargai dan disanjung tinggi malah mengagumkan kerana maklumlah rumah sendiri pun Kerajaan yang

tolong buat. Tetapi saya merayu kepada Kerajaan supaya dapat menambahkan bantuan yang \$1,000 itu dinaikkan menjadi \$2,000 kerana pada masa ini harga kayu dan lain-lain bahan keperluan rumah sudah mahal. Jadi dengan keadaan bantuan \$2,000 itu bolehlah didirikan sebuah rumah yang lebih selesa dan lebih kukuh.

Sekian, Tuan Pengerusi, akhirnya saya menyokong anggaran belanja yang dipohon.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kota Melaka.

*5.56 ptg.*

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh muka surat 102 Maksud B. 14, Butiran 1100, Program (2) berkenaan dengan Perkhidmatan Perundangan dan Penasihat.

Tuan Pengerusi, memang saya tidak menentang bahawa satu peruntukan lebih kurang \$2.4 juta dinaikkan pada tahun hadapan menjadi \$3 juta sebagai perbelanjaan bagi Bahagian ini. Tetapi saya fikir sudah sampai masanya bagi Kerajaan kita dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri termasuk Peguam Negara untuk mempertimbangkan bilakah satu Rang Undang-undang Hak Asasi (Bill of Right) boleh dirangka supaya dibentang untuk diluluskan di Dewan yang mulia ini.

Tujuan saya mencadangkan Rang Undang-undang Hak Asasi (Bill of Right) ini ialah bukan sahaja boleh diberikan satu kuasa dan tanggungjawab untuk melayani segala isu-isu yang ada berkaitan dengan hak asasi manusia dan hak asasi rakyat Malaysia yang berpunca daripada dasar pembangunan ekonomi, sosial, politik dan kebudayaan serta pelajaran di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengakui bahawa adanya ketidakpuasan perasaan di kalangan rakyat dan masyarakat sejak kemerdekaan 23 tahun ini.

Di sini kita boleh nampak bahawa betapa musahaknya bagi Kerajaan Barisan Nasional untuk merangka dan mewujudkan satu Rang Undang-undang yang saya cadangkan serta satu langkah yang mustahak juga ialah mewujudkan satu sistem mahkamah yang khas yang berfungsi khas untuk melayan segala kes-kes yang berkaitan dengan percampuran dan pencerobohan hak asasi rakyat Malaysia dan hak asasi kemanusiaan.

Saya fikir Bahagian Perkhidmatan Perundangan dan Penasihat ini boleh memainkan satu peranan yang mustahak supaya segala perasaan emosi dan ketidakpuasan yang berpunca dari percampuran hak asasi rakyat Malaysia baik di bidang ekonomi, di pelajaran dan kebudayaan atau penggunaan bahasa, termasuk kepercayaan keagamaan; semuanya kes-kes ini bolehlah dibicarakan di mahkamah yang berfungsi khas untuk menguruskan segala kes-kes yang berkaitan dengan hak asasi rakyat Malaysia supaya ia-nya boleh ditadbirkan di bawah satu Rang Undang-undang yang saya cadangkan tadi.

Tuan Pengerusi, saya tidak tahu bilakah Jabatan Peguam Negara kita yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan memberikan satu green light untuk mengadakan Rang Undang-undang ini kerana ini bukan satu perkara yang baru. Di United Kingdom, Tuan Pengerusi . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, janganlah sebab hendak bercakap atas dasar am, tumpukan di bawah kepala Bekalan ini, satu perkara seperti Yang Berhormat buat ini. Ini hendak mengelakkan sahaja supaya dapat bercakap perkara dasar am itu.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Pengerusi, saya hanya memberikan satu pandangan dan cadangan kepada Jawatan Peguam Negara.

**Tuan Pengerusi:** Ya, betul, itu saya tahu. Tetapi cara hendak masuk itu masuk di bawah Kepala Bekalan ini. Ini lain tujuan dia. Tidak usahlah hendak dibuat-buat cara lain itu. Saya faham itu masuk dasar am.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Pengerusi, itulah satu saya kata perlu dipertimbangkan oleh Perkhidmatan Perundangan di bawah Jabatan Peguam Negara kerana sudah sampai masanya.

Tuan Pengerusi, sekarang saya akan sentuh lagi satu perkara iaitu muka surat 38, B. 4, Butiran 1100, Aktiviti (3) mengenai Perjalan Pilihanraya di bawah Suruhanjaya Pilihanraya. Tuan Pengerusi, saya fikir sudah sampai masanya bagi Suruhanjaya Pilihanraya untuk membuat satu pindaan terhadap Undang-undang yang ada berkaitan dengan pilihanraya khasnya berkaitan dengan Kertas Penamaan di mana pada tahun 1978 ramai calon-calon disqualified dengan alasan-alasan yang tidak mencukupi dan memuaskan dan juga tidak mematuhi Undang-undang yang

ada dalam menjalankan pilihanraya umum. Di sini saya ingin tahu apakah tindakan akan diambil untuk memastikan bahawa calon yang layak bertanding perlu diberikan peluang. Mereka tidak seharusnya disqualified seperti di kawasan Batu Berendam, Melaka di mana terlibat Menteri Kesihatan di mana calon DAP telah disqualified kerana 1 point nama lain-lain telah diletakkan nama tiada sahaja, itu disqualified. Sebenarnya tidak termaktub di dalam Undang-undang yang berkenaan.

Kedah ialah mengenai Conduct of Election, Tuan Pengerusi, sepertimana yang telah dapat dalam perkara ini ialah mengenai keraguan menjalankan Pilihanraya Umum atau Pilihanraya Kecil. Tuan Pengerusi, saya merasa kesal dan keciwa bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan baharu-baharu ini iaitu pada 8 haribulan mengadakan lawatan khasnya di Pengkalan Kota di mana Menteri Kewangan telah melanggar Undang-undang. DAP sedang menimbang bagaimana kita boleh ambil satu tindakan terhadap Menteri Kewangan di mana Menteri menyalahgunakan jawatannya yang mengumumkan kepada rakyat bahawa jika calon Barisan Nasional berjaya untuk dipilih, maka lebih banyak wang akan diperuntukkan untuk membangunkan kawasan Pengkalan Kota. Dari segi Undang-undang satu syarat adalah jelas iaitu seseorang pun tidak boleh diizinkan untuk menggunakan wang untuk membeli undi. Nampaknya Menteri Kewangan sebagai pemimpin negara telah salah guna kuasanya untuk mempengaruhi rakyat di Pulau Pinang untuk mengundi bagi seseorang calon.

**Tuan Pengerusi:** Itu beri wang kepada pengundi. Ini untuk pembangunan negara.

**Tuan Chan Teck Chan:** Ya, untuk pembangunan. Itu adalah secara langsung Yang Berhormat Menteri Kewangan ialah cuba melalui wang rakyat itu untuk mempengaruhi pengundian rakyat.

Saya tidak tahu apakah tindakan akan diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap seseorang Menteri Kabinet, tidak boleh dinasihatkan atau digalakkan untuk campurtangan satu pemilihan rakyat sendiri apa lagi Menteri Kewangan nampaknya dia tahu Undang-undang yang sangat jelas melarang seseorang membuat sesuatu perkara dengan menggunakan wang untuk membeli undi. Tetapi sangat kesal bahawa

Menteri Kewangan sendiri telah terlibat dalam kes ini. Saya harap pihak Polis boleh mengambil tindakan untuk menyasat kenyataan yang dibuat oleh Menteri Kewangan dan DAP sendiri juga tentu akan mengambil tindakan untuk menyasat sejauh manakah kita boleh mengharap Menteri Kewangan ke Mahkamah supaya ia dapat satu layanan seperti rakyat biasa. Siapa yang melanggar Undang-undang dialah akan menerima hukumannya.

Tuan Pengerusi, ingin saya menventuh satu perkara yang juga saya fikir mustahak iaitu muka surat 54, Bekalan 8, Program (7) di bawah Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara.

Tuan Pengerusi, saya memang merasa svak wasangka sejauh manakah Kerajaan jujur hendak mewujudkan, hendak mencapai matlamat perpaduan rakyat di negara kita. Tuan Pengerusi, kalaulah Kerajaan memang serius atas perkara perpaduan rakyat sebagai matlamat pembinaan negara kita, maka saya tidak tahu apa sebab kedudukan Jabatan Perpaduan Negara dan dahulunya dipanggil Lembaga Perpaduan Negara diturunkan pangkatnya dari tahun yang lepas hingga tahun baharu-baharu ini? Kalaulah Kerajaan serius maka saya mencadangkan bahawa Jabatan ini dibatalkan dan digantikan dengan mewujudkan satu Kementerian iaitu Kementerian Perpaduan Rakyat supaya ini menunjukkan Kerajaan serius dan benar-benar mahu mengatasi masalah yang ada berkaitan dengan perpaduan rakyat kita. Saya tidak nampak apa sebab Kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak boleh mempertimbangkan untuk mewujudkan suatu portfolio di mana seorang Menteri sepenuh masa boleh dipertanggungjawabkan untuk menjaga dan menguruskan segala masalah berkaitan yang perpaduan rakyat di mana adalah sebagai time-bomb dalam proses pembinaan negara kita.

Tuan Pengerusi, semalam kita ada dengar ucapan-ucapan yang ada berkaitan dengan perpaduan rakyat yang dikaitkan dengan patung Kuan Yin di Ayer Itam di Pulau Pinang. Saya tidaklah bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah bahawasanya patung Kuan Yin yang tingginya 118 kaki ini perlu dikaji dan perlu ditimbang akibat dan dari segi reaksi masyarakat kita. Rakyat Malaysia hari ini termasuk DAP langsung tidak mempersoalkan Kerajaan berusaha untuk mengadakan

Masjid Negeri atau Negara di mana-mana tempat pun dan rakyat sokong, tetapi apakah sebabnya satu kebebasan beragama yang terjamin dalam Fasal 11 Perlembagaan Malaysia perkara ini langsung tidak dilayani. Saya tidak tahu projek pembinaan patung Kuan Yin ini telah diluluskan oleh pihak berkuasa di Pulau Pinang, pelan pembinaannya juga diluluskan, kerja-kerja pun sudah dimulakan, tetapi akhirnya kita dapati . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ini di bawah Kepala mana pembinaan patung ini.

**Tuan Chan Teck Chan:** Di bawah Kepala muka surat 54 Bekalan 8 yang ada berkaitan dengan perpaduan negara di mana saya kaitkan dengan ucapan Ahli dari Tanah Merah semalam, juga di bawah tajuk ini.

**Tuan Pengerusi:** Ya, apa yang hendak perpaduan negara, apa yang kena-mengena patung ini pula.

**Tuan Chan Teck Chan:** Kerana ini adalah menjejaskan dan menghalang perpaduan rakyat kita kerana rakyat nampaknya tidak ada kebebasan sepertimana yang termaktub di dalam Perlembagaan untuk menganuti dan membina patung-patung mereka. Ini adalah merupakan satu time-bomb dan halangan terhadap proses untuk mencapai perpaduan rakyat kita.

Saya harap Jabatan Perpaduan Negara boleh mengkaji perkara ini supaya projek pembinaan patung Kuan Yin ini boleh diteruskan tanpa membawakan apa-apa reaksi yang buruk kepada masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa ini kerana kebebasan yang terjamin di dalam Perlembagaan Malaysia perlu disanjung tinggi tanpa membawa apa-apa syak wasangka, kebimbangan dan kemarahan di masyarakat kaum keturunan China. Inilah satu rayuan daripada saya. Saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh mencampuri perkara ini supaya ianya boleh diselesaikan dengan secara sentosa dan projek ini izin dijalankan dengan terusnya supaya rakyat Malaysia boleh berbilang bangsa dengan satu projek yang begitu tinggi dan terbesar di dunia ini yang ada di Malaysia. Ini juga boleh memprojekkan atau mencerminkan bagaimana cara kehidupan di Malaysia yang berbilang bangsa, ada geraja, ada masjid, ada patung, baik dari kaum Hindu atau dari keturunan China seperti Kuan Yin yang ada di Pulau Pinang. Ini juga

merupakan satu cara atau ciri-ciri khas kehidupan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa.

Tuan Pengerusi, akhirnya, saya suka menyentuh muka 53, Bekalan B. 8, Butiran 1100, Program (4) Keselamatan Negara (National Security). Tuan Pengerusi, satu jumlah lebih kurang \$2.5 juta telah diperuntukkan untuk bahagian Keselamatan Negara kita. Semalam di bawah bahagian ini kita ada mendengar Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ada menceritakan bagaimana mustahaknya keselamatan negara kita dipertahankan dengan menjaga pembocoran maklumat-maklumat rahsia dari pihak Kerajaan. Memang perkara itu sangat baik dan tidak seorangpun akan menentang bahawa keselamatan negara kita memang perlu dipertahankan dan diperlindungi dengan menjaga maklumat-maklumat yang ada berkaitan dengan rahsia negara kita. Tetapi contoh yang digunakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat itu nampaknya adalah sangat-sangat mendukacitakan saya ialah Ahli Yang Berhormat dari Tumpat mengaitkan perkara ini dengan kes Ketua Pembangkang dengan Akta Rahsia yang disebutkannya. Di sini saya hendak mempersoalkan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat bahawa jika sekiranya kita mengetahui sesuatu perkara, umpamanya, satu perkara yang ada berkaitan dengan kepentingan pertahanan negara kita yang berkaitan dengan pembelian 4 buah speed-boat—Spica-M yang terlibat penyelewengan dan juga terlibat keselamatan pertahanan negara . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Perkara yang sudah disebutkan di sini, dibincang dan dibahasakan tak usahlah disebutkan lagi kerana membuang masa sahaja, lebih baik dari perkara yang lain.

**Tuan Chan Teck Chan:** Kerana saya.....

**Tuan Pengerusi:** Perkara itu sudahpun dibahasakan di sini.

**Tuan Chan Teck Chan:** Saya hanya hendak menjelaskan satu point iaitu . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Tidak payah jelaskanlah.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Pengerusi, saya suka menjelaskan iaitu bolehkah kita menuaikan tanggungjawab kita bila kita mengetahui ada satu kelemahan . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Itu tidak apa.

**Tuan Chan Teck Chan:** Satu skandal sudah berlaku di mana kita berkata bahawa ini adalah satu perkara keselamatan negara maka kita tidak boleh menyentuhnya kerana ini adalah satu rahsia resmi, ini adalah salah dari kaca-mata rakyat. Bahawa sebagai seorang rakyat Malaysia, sebagai Wakil Rakyat yang bertanggungjawab ini tanggungjawab untuk memberi tahu negara, rakyat dan Kerajaan tentang apa yang sudah berlaku dalam pembelian Spica-M itu yang terlibat kepentingan pertahanan negara kita. Maka saya yakin perkara ini bukan sahaja tidak boleh ditutup tetapi perlu dibongkar kepada pengetahuan rakyat negara dan Kerajaan. Ini adalah tanggungjawab sebagai seorang Wakil Rakyat. Dan juga mengenai kes minyak seperti ESSO, EMPI, Petronas dan lain-lain, walaupun ini adalah rahsia Kerajaan, satu perjanjian perkongsian di antara Petronas dan ESSO tetapi bolehkah kita hanya melalaikan tanggungjawab kita kerana ini adalah keselamatan negara maka tidak boleh dibongkar. Ini nampaknya salah dari segi tanggungjawab, tugas, kewajipan kita sebagai seorang rakyat.

Di sini saya bukan sahaja tidak bersetuju tetapi saya juga menentang cadangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat untuk cuba menyekat hak dan privilege seorang Wakil Rakyat untuk menjalankan tugas membongkar segala skandal-skandal atau perkara-perkara yang ada berkaitan dengan keselamatan negara, kepentingan dan keselamatan rakyat kita.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Pengerusi, saya ingin membuat penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Buat apa?

**Tuan Lee Lam Thye:** Menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 35 (3) (b).

**Tuan Pengerusi:** Penjelasan apa?

**Tuan Lee Lam Thye:** Tadi dalam ucapan saya—dalam perbincangan saya telah membuat satu kesilapan dalam ucapan saya dan saya suka memaklumkan kepada Majlis bahawa apa yang saya telah cakapkan tadi—Tuan Pengerusi, bolehkah saya quote apa yang saya telah cakapkan tadi dalam ucapan . . . . .

**Tuan Pengerusi:** 35 apa?

**Tuan Lee Lam Thye:** 35 (4) muka surat 19.

**Tuan Pengerusi:** "35 (4) Seseorang ahli yang telah bercakap dalam satu-satu masalah itu boleh bercakap menerangkan apa-apa perkara besar dalam ucapannya yang telah menerbitkan kesamaran faham; tetapi tidak boleh dikeluarkannya perkara-perkara baharu." Siapa samar faham, tidak ada siapa yang samar faham.

**Tuan Lee Lam Thye:** Saya suka membe-  
tulkan apa yang saya telah cakapkan untuk  
rekod Pemberita Parlimen.

**Tuan Pengerusi:** Tetapi ini kalau ada di-  
tegur oleh Ahli Yang Berhormat di sini  
mengatakan konon timbul kesamaran. Tidak  
siapa menimbulkan kesamaran.

**Tuan Lee Lam Thye:** Oleh kerana . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Tidak boleh. Ini hanya  
kalau ada orang menimbulkan kesamaran.  
Ahli Yang Berhormat dari Bachok.

6.17 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah  
(Bachok):** Tuan Pengerusi, saya ingin  
menyentuh mengenai maksud Bekalan 1—  
Parlimen di bawah Butiran 1100 Aktiviti (1)  
Pentadbiran Am, muka surat 31. Perkara  
yang utama yang saya ingin sentuh dalam  
hal ini ialah mengenai kedudukan Jawatan-  
kuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen.  
Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah  
dan syabas kepada Pengerusi Jawatankuasa  
ini iaitu Yang Berhormat Yang di-Pertua  
Dewan Rakyat dan Yang di-Pertua Dewan  
Negara yang telah menunjukkan kecekapan  
dalam memimpin Jawatankuasa tersebut.

**Tuan Pengerusi:** Jawatankuasa apa ini?  
Saya tidak dengar tadi yang saya dipuji  
(Ketawa).

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:**  
Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Par-  
limen.

**Tuan Pengerusi:** Oh! Jawatankuasa Pena-  
sihat Perkhidmatan Parlimen. Ya, teruskan.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:**  
Walau bagaimanapun, adalah wajar sekira-  
nya Jawatankuasa ini benar-benar mendapat

pengiktirafan Kerajaan dan mempunyai  
kuasa-kuasa yang penuh sebagaimana yang  
tercatit dalam Akta Perkhidmatan Parlimen.  
Setakat ini Jawatankuasa ini seolah-olah  
telah dikurangkan kuasanya kerana tidak di-  
beri kebebasan untuk bertindak menentukan  
keistimewaan Jabatan Parlimen sebagai se-  
buah Jabatan Tertutup sehingga jabatan ter-  
sebut tertakluk kepada peraturan-peraturan  
yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dan  
Jabatan Perkhidmatan Awam secara se-  
penuh tanpa sebarang peluang untuk meng-  
hidupkan Jabatan Parlimen dengan identiti-  
nya yang tersendiri sebagai sebuah Jabatan  
Tertutup serta melindungi kepentingan-ke-  
pentingan kakitangannya. Tanpa kebebasan  
penuh bagi Jawatankuasa ini menentukan  
identitinya sendiri, telah menimbulkan ber-  
bagai masalah kepincangan dan kekurangan  
dari segi kedudukan gaji dan elaun-elaun  
serta kenaikan pangkat kakitangan Jabatan  
tersebut.

Di sini, Tuan Pengerusi, saya tidaklah  
mengesyorkan supaya Jawatankuasa Pena-  
sihat Perkhidmatan Parlimen bertindak ber-  
sendirian tanpa panduan langsung dari  
pakar-pakar dasar perkhidmatan dan se-  
bagainya. Satu contoh yang nyata, pegawai-  
pegawai rendah di Jabatan ini patut diberi-  
kan peluang untuk memegang jawatan yang  
lebih tinggi sekiranya mereka ada kelulusan  
yang sesuai.

Tuan Pengerusi, selanjutnya saya menyo-  
kong cadangan supaya Akta Perkhidmatan  
Parlimen, 1963 dikaji semula bagi membe-  
rekan Jawatankuasa Penasihat Parlimen mem-  
punyai identiti dan kuasa yang cukup.  
Dengan yang demikian, saya tidak ada  
halangan sekiranya pihak MAMPU di-  
panggil untuk mengadakan kajian dan mem-  
buat syor-syor yang sewajarnya.

Selain dari itu, di bawah kod yang sama  
Aktiviti (2) Urusan Dewan. Saya ingin menge-  
syorkan supaya pihak Kerajaan menimbang-  
kan bagi mengadakan suatu Majalah  
Parlimen yang khusus untuk merapatkan  
Parlimen kepada rakyat dan juga memper-  
kenalkannya kepada dunia luar. Setakat ini  
Parlimen hanya mengeluarkan Penyata  
Rasmi untuk tatapan pihak-pihak yang mem-  
punyai urusan rasmi dengan Parlimen. Dalam  
majalah ini Kerajaan boleh meninggikan  
imej Parlimen serta memperkenalkan tokoh-  
tokoh Kerajaan atau Ahli-ahli Parlimen yang  
berkhidmat dengan dedikasi terhadap rakyat

dan negara. Saya rasa jika cadangan ini dilaksanakan, tidaklah memakan kos wang begitu besar dan rancangan ini boleh mendatangkan keuntungan hasil dari jualan majalah tersebut secara meluas ke seluruh negara dan juga ke seluruh dunia.

Selain dari itu, saya juga suka mencadangkan Kerajaan patutlah memberikan elaun-elaun galakan kepada kakitangan Parlimen seperti elaun kerja lebih masa atau elaun kerja ekspres yang mana kakitangan jabatan ini bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam. Elaun-elaun yang lain seperti Elaun Pakaian patut juga diberikan sesuai dengan keperluan pegawai-pegawai untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat Parlimen dan Jawatankuasa Parlimen.

Satu perkara lagi berkenaan dengan Parlimen, memandangkan pihak Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil 8 Tahun 1980, saya berpendapat kemudahan atau elaun galakan yang sama patutlah dipanjangkan kepada kakitangan Parlimen dan oleh kerana Pekeliling tersebut telah mendiskriminasikan kakitangan Sekretariat Tetap iaitu Parlimen dikecualikan daripada mendapat elaun sedangkan Bahagian Istiadat di Jabatan Perdana Menteri yang merupakan sebahagian dari Sekretariat Tetap juga diberikan keistimewaan yakni dibayar elaun persidangan bagi kakitangannya. Saya menyeru jika Pekeliling tersebut tidak sesuai, wujudkanlah surat perintah yang lain yang sesuai supaya kakitangan jabatan ini turut menikmati hasil usaha dan jerih payah dalam pekerjaan mereka.

Tuan Pengerusi, saya beralih pula kepada Maksud B. 4, Suruhanjaya Pilihanraya. Peruntukan wang sebanyak \$6,929,100 telah dipohonkan untuk diluluskan di Dewan ini. Baiklah saya mulakan perbahasan dalam Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am dan (2) Pendaftaran Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih. Tuan Pengerusi, dengan izin, Perkara 141 Perlembagaan mengatakan, "Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-raja dan hendaklah mengandungi seorang Pengerusi dan 3 orang Ahli lain". Dan 142 menyatakan, "Pada melantik Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya, Yang di-Pertuan Agong hendaklah memandang kepada mustahaknya diadakan suatu Suruhanjaya Pilihanraya yang mendapat kepercayaan awam".

Tuan Pengerusi, setiap perlantikan yang dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terhadap Pengerusi dan Ahli-ahli lain adalah tepat dan ini tidak perlu dipersoalkan. Masalah yang hendak saya timbulkan di sini ialah mengenai perlantikan yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya setiap tahun, khususnya pada tahun 1980 ini terhadap lebih kurang 10,000 kakitangan sementara di mana mereka itu akan menjalankan pendaftaran pemilih, sama ada di pusat-pusat pendaftaran tetap, bergerak dari rumah ke rumah dan unit bergerak. Kakitangan-kakitangan sementara yang dilantik itu sewajarnya terdiri dari orang-orang memahami prinsip-prinsip demokrasi berparlimen di negara ini. Orang-orang yang sanggup menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya tidak khianat, tidak menyeleweng dari garis-garis panduan dan arahan-arahan yang disampaikan oleh Suruhanjaya Pilihanraya patutlah diutamakan. Orang-orang yang ternyata aktif dalam sesebuah parti politik seharusnya tidak dimasukkan ke dalam senarai kakitangan sementara ini.

Tuan Pengerusi, dalam tempoh pendaftaran pemilih dan penyemakan daftar pemilih yang berjalan dari 25hb Ogos hingga 10hb Oktober, 1980 baru-baru ini terdapat sebahagian besar dari kakitangan-kakitangan sementara yang bertugas sebagai Penolong Pegawai Pendaftar di kawasan Parlimen Bachok adalah terdiri dari orang-orang yang ternyata aktifnya di dalam parti Kerajaan. Keadaan ini amat membimbangkan dan mengeciwakan kerana pekerjaan mereka sudah menunjukkan ketidakadilan dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan itu. Akibatnya, terdapat banyak rumah-rumah yang tidak dilawati oleh mereka dan oleh yang demikian masih ramai warganegara-warganegara yang cukup umur 21 tahun atau lebih tidak sempat didaftarkan.

Tuan Pengerusi, sebenarnya situasi di luar bandar, di desa atau di kampung jauh berbeza dengan keadaan di bandar-bandar di mana kalau kaedah pendaftaran tetap sahaja pun dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya mereka sempat membuat pendaftaran. Saya mengesyorkan supaya pihak Suruhanjaya Pilihanraya membuat penyiasatan dan seterusnya mengatasi persoalan ini dengan penuh bijaksana. Pengundi-pengundi di

Bachok yang sentiasa mengikut masalah ini akan menyaksikan perubahan ini pada tahun hadapan. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Suruhanjaya Pilihanraya kerana pada tahun 1980 inilah merupakan tahun yang pertama bagi Suruhanjaya Pilihanraya meningkatkan mutu perkhidmatan pendaftaran ke tahap pendaftaran berpadu yang merangkumi 3 kaedah, iaitu:

- (1) sistem pendaftaran tetap;
- (2) sistem pendaftaran dari rumah ke rumah; dan
- (3) sistem pendaftaran unit bergerak.

Menyentuh tentang kaedah atau sistem pendaftaran unit bergerak, sukacita saya nyatakan di sini bahawa kaedah ini nampaknya lebih disukai oleh orang ramai kerana pasukan unit bergerak ini dapat lebih melayani dan mendaftarkan pengundi-pengundi dengan segera tetapi malangnya unit bergerak ini tidak banyak mempunyai program-program lawatan ke kampung-kampung. Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, untuk seluruh kawasan Parlimen Bachok yang mengandungi 3 Dewan Undangan Negeri dan pengundinya meliputi lebih dari 30,000 orang hanya 3 program sahaja diumumkan, ertinya 3 hari, iaitu satu kawasan Dewan Undangan Negeri dibuat dalam satu hari sahaja, mungkin ini sebagai percubaan. Saya mengharapkan supaya pada tahun-tahun yang akan datang unit bergerak ini akan dapat ditambah lagi dan program-program lawatan yang lebih banyak dibuat sekurang-kurangnya 10 hari di dalam satu kawasan Parlimen, tidak 3 hari seperti yang ada sekarang.

Sehubungan dengan ini saya mengesyorkan bahawa unit bergerak ini tidak perlu memulakan tugasnya serentak dengan kaedah pendaftaran tetap atau kaedah pendaftaran dari rumah ke rumah, ia bolehlah memulakan tugasnya apabila sahaja satu-satu kumpulan orang ramai yang layak didaftarkan sebagai pemilih menentukan tarikh mereka dapat berkumpul di tempat-tempat yang ditetapkan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Dalam Aktiviti dan Butiran yang sama, Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang patut ditimbulkan di sini dan inilah perkara

yang akhir ialah mengenai penyemakan daftar pemilih yang dikenalkan sebagai Pamiran Daftar Pemilih. Pamiran Daftar Pemilih ini lazimnya dibuat kalau tidak silap saya dalam bulan Mac atau April bagi tahun berikutnya selepas pendaftaran pemilih dilakukan pada setiap tahun dan masa atau tempoh pamiran ini dikemukakan kepada orang ramai ialah selama 2 minggu. Tempoh ini hendaklah dilanjutkan lagi sekurang-kurangnya sebulan atau 5 minggu kerana di waktu inilah pemilih yang baru didaftarkan akan membuat penyemakan dengan menunjuk kadnya dan jika tidak terdapat namanya di dalam Daftar Pemilih, ianya terpaksa mengisi Borang Pendaftaran Semula. Sekianlah sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Dungun.

6.29 ptg.

**Tuan Awang bin Jabar (Dungun):** Tuan Pengerusi, saya ingin juga membahaskan dalam peruntukan untuk Jabatan Perdana Menteri ini dalam Maksud B. 5 muka surat 42 mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Tuan Pengerusi, Butiran 1100, Aktiviti (3) Perkhidmatan dan Perjawatan. Dalam Aktiviti ini Kementerian telah memperuntukkan untuk tanun hadapan berjumlah \$2,598,643.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat boleh sambung esok lagi.

**Tuan Awang bin Jabar:** Insya Allah.

**Tuan Pengerusi:** Saya hendak tahu siapa lagi Ahli Yang Berhormat yang suka hendak mengambil bahagian di dalam perbahasan ini? Kalau tak ada, lepas daripada Ahli Yang Berhormat dari Dungun, Yang Berhormat Menteri akan menjawab besok.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 13hb November, 1980.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*